

Jilid I
Bil. 34



Hari Isnin
29hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4335]

KETERANGAN AHLI DARI KOTA MELAKA MENGENAI BREACH OF
PRIVILEGE DI BAWAH S.O. 80 [Ruangan 4377]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4380]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Jadual:

Maksud B. 51 hingga B. 57 [Ruangan 4381]

Maksud B. 58 hingga B. 60 [Ruangan 4419]

Maksud B. 61 [Ruangan 4456]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4380]**

Anggaran Pembangunan, 1983

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Maksud P. 51 hingga P. 57 [Ruangan 4381]

Maksud P. 58 hingga P. 60 [Ruangan 4419]

Maksud P. 61 [Ruangan 4456]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang, Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu)
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMAD BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.D., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAACOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATUK JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSAIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMĀD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG GHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
,, TUAN YEOPH POH SAN (Petaling).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 29hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempe-
ngerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SLOGAN 'BERSIH CEKAP DAN-
AMANAH'

1. Tuan Abdul Raman bin Suliman
minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada kata-kata Bersih, Cekap dan Amanah telah benar-benar dapat diamalkan di dalam jentera pentadbiran sekarang;
- (b) sama ada terdapat bukti yang menunjukkan petunjuk (indikasi) bahawa telah terdapat kemajuan dalam jentera pentadbiran Kerajaannya yang ianya adalah lebih cekap, lebih bersih dan lebih amanah jika dibandingkan dengan masa sebelum beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri.
- (c) berapa ramai pegawai/kakitangan Kerajaan yang telah dikenakan tindakan tatatertib kerana tidak cekap, tidak bersih dan tidak amanah dalam tahun 1981 dan 1982.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah' boleh diamalkan di

dalam Jentera Pentadbiran sekarang ini, walau bagaimanapun amalan sepenuhnya sifat-sifat murni ini di dalam Pentadbiran Kerajaan adalah banyak bergantung kepada kerjasama orang ramai.

- (b) Beberapa petunjuk membuktikan bahawa Jentera Pentadbiran Kerajaan sekarang adalah menunjukkan ke arah lebih cekap, lebih bersih dan lebih amanah. Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan pada keseluruhan mematuhi masa bekerja yang menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap penghasilan kerja yang bermutu dan kesedaran yang meluas telah meresapi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan mengenai kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan kerja masing-masing.
- (c) Adalah sukar untuk menentukan dengan tepat bilangan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kelakuan tidak bersih, tidak cekap atau tidak amanah seseorang pegawai atau kakitangan Kerajaan itu; walau bagaimanapun pada tahun 1981, 876 orang Kakitangan Kerajaan telah diambil tindakan tatatertib dan 144 orang telah dibuang kerja oleh kerana kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Am Bab D yang mungkin ada kaitan dengan kesalahan-kesalahan kerana

tidak bersih, tidak cekap atau tidak amanah. Pada tahun 1982 sehingga bulan Jun, 500 kakitangan Kerajaan telah diambil tindakan tatatertib dan seramai 100 orang telah dibuang kerja.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa semua permohonan mengenai tanah harus diproses dan diberi jawapan dalam masa tiga bulan. Tetapi malangnya kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mematuhi perkara ini. Ini tidak selaras dengan cogan kata terutama mengenai bahagian 'cekap' itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi ulasan mengenai perkara ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang mengakui banyak masalah-masalah yang kita hadapi dalam pentadbiran terutama yang berhubung dengan hendak meningkatkan kecekapan. Oleh sebab itu maka tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terutamanya untuk mengadakan satu rancangan bagi meningkatkan kecekapan melalui Jawatankuasa bagi mengkaji semula mutu kecekapan perkhidmatan Kerajaan dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil ke arah meningkatkan kecekapan itu. Dalam hal pentadbiran pada peringkat Pejabat Daerah, Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk mewujudkan contoh-contoh pentadbiran Pejabat Daerah yang apabila telah dapat menunjukkan kejayaan akan dapat diperluaskan keseluruh negara. Contoh-contoh itu adalah dalam bidang-bidang untuk memperbaiki cara-cara dan sistem terutama yang berhubung dengan pentadbiran tanah.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kecekapan jentera Kerajaan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat di peringkat Kerajaan Negeri dan peringkat jentera Kerajaan Daerah, sistem clock-in masih belum diamalkan dan jika ya sama ada semua Jabatan-jabatan Kerajaan termasuk peringkat daerah akan dilengkapkan dengan sistem clock-in?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, cadangan sistem clock-in ini adalah untuk semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan saya belum ada maklumat mana-manakah jabatan yang masih belum menggunakan sistem ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, untuk menyingkakan kecekapan kakitangan Kerajaan dan supaya orang ramai tidak disusahkan, bolehkah satu amalan yang sekarang ada berjalan diberhentikan, di mana di semua jabatan-jabatan di mana orang ramai terpaksa pergi untuk mendapatkan lesen atau apa-apa juga terpaksa que yang begitu panjang, dan apabila mereka sampai que sama ada ada nombor atau tiada nombor, apabila sampai pukul 1.00 tengah hari, pegawai mengatakan, masa sudah cukup dan orang ramai disuruh balik dan datang selepas makan tengah hari. Tidakkah boleh satu sistem yang lebih cekap diadakan di mana nombor-nombor dikeluarkan supaya mereka boleh dilayan pada waktu pagi dan boleh disuruh tunggu, dan mereka yang dapat nombor yang tidak boleh dilayani pada pagi itu siang-siang disuruh balik pada pagi itu dan datang pada waktu petang supaya masa boleh diijamatkan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, dalam usaha Kerajaan hendak memperbaiki

perkhidmatan kaunter ini perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu telah pun diambil perhatian dan langkah yang pertama telah pun dijalankan dalam Sistem Bayaran Bil Setempat dan Sistem Memberi Perkhidmatan Setempat di mana rakyat ataupun siapa sahaja yang pergi kepada Jabatan itu dan berbaris untuk mendapat perkhidmatan akan dilayan semuanya walaupun waktu pejabat telah tiba untuk pejabat itu ditutup. Misalnya kalaulah pukul 4.00 waktu pejabat tutup masih ada lagi 20-30 orang yang masih beratur untuk mendapat layanan maka semua yang berbaris itu akan dilayan sampai habis. Itu adalah perkara yang sedang dijalankan dan kita harap perkhidmatan kaunter ini akan diperbaiki untuk semua jenis perkhidmatan. Inilah langkah pertama yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa yang telah saya sebutkan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Menteri yang berkenaan tadi, beliau ada menyatakan beberapa langkah yang telah dilaksanakan untuk menentukan amalan berkenaan dengan kata-kata: "Bersih, Cekap dan Amanah".

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah beliau sedar di dalam Kerajaan Tempatan (Local Government) di bawah Akta 171, misalnya Majlis Perbandaran kebanyakan kakitangan tidak mematuhi cogankata ini, kadangkala kalau orang membuat pengaduan jalan raya tidak diperbaiki, mereka mengambil masa selama sebulan untuk datang memperbaiki jalan raya dan kadangkala bucket system belum dibuangkan, mereka tidak datang langsung. Oleh sebab itu Kerajaan Tempatan begitu autonomous macam manakah Kerajaan Pusat boleh menentukan mereka mengamalkan

kata-kata: "Bersih, Cekap dan Amanah" yang selalu dikatakan dalam Dewan yang mulia ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, kalau kita hendak bercakap fasal masalah masih adanya ketidakcekapan dalam pentadbiran Kerajaan dengan menunjukkan contoh-contoh di merata-rata tempat di sana sini, saya ingat ini memanglah berlaku. Kalaulah seluruh jentera Kerajaan itu sudah cekap, secekap-cekap yang kita kehendaki maka tidak payahlah kita kata pada hari ini tentang perlunya kita memperbaiki kecekapan itu. Saya memanglah tidak sedar bahawasanya ada kejadian yang tertentu sebagaimana Yang Berhormat kata itu. Tetapi itu mungkin berlaku kerana kita sekarang ini sedang berusaha untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi di peringkat pentadbiran yang menyebabkan berlakunya ketidakcekapan dalam perkhidmatan Kerajaan kita.

Berhubung dengan Kerajaan Tempatan, kita ada Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ini walaupun pada peringkat pentadbiran Kerajaan Tempatan itu ia adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Tetapi dalam hal perlunya mewujudkan Kerajaan bersih, cekap dan amanah semua Kerajaan Negeri adalah memegang kuat kepada slogan ini dan semua Kerajaan Negeri pada masa sekarang ini adalah di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dan apa yang menjadi amalan Kerajaan Barisan Nasional pada peringkat Pusat berhubung dengan perkara bersih, cekap dan amanah adalah juga menjadi amalan dan tanggungjawab kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan slogan bersih, cekap dan amanah kerana Kerajaan Negeri pun telah dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya umum yang lalu berasaskan kepada slogan bersih, cekap dan amanah ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah istilah cekap, bersih dan amanah jentera Kerajaan ini termasuk juga sikap Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang kadang-kadang setengah daripadanya waktu menjawab dalam soalan daripada Dewan ini hanya mengambil sambil lewa sahaja, tidak nampak begitu serius sangat. Adakah itu termasuklah juga, saya hendak tahu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar adanya Menteri-menteri yang memberi jawapan sambil lewa kepada soalan-soalan yang ditimbulkan dalam Dewan Rakyat ini. Tetapi sifat bersih, cekap dan amanah adalah ada kepada pentadbiran Kerajaan termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

KELUARAN KASAR NEGARA

2. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah peratusan keluaran kasar Negara atau (Gross National Product) dibelanjakan atas penyelidikan dan pembangunan dalam Sains dan Teknologi;
- (b) berapakah ahli-ahli Sains dan Teknik ada sekarang dan dijangka ada pada hujung tahun 1985 di dalam negara kita dan sama ada satu perbezaan antara bilangan ahli-ahli sains dan teknik dan bilangan penduduk yang memberi khidmat berbanding dengan negara-negara jiran kita; dan
- (c) di bawah Rancangan Malaysia Keempat, ada hasrat menukarkan struktur ekonomi

negara kita supaya negara kita akan menjadi satu negara perindustrian yang baru dalam tahun 1985 dan akan kurang bergantung di atas komoditi yang hanya selalu turun-naik bagi pendapatan eksport; adakah bilangan ahli-ahli sains dan teknik dan juga peruntukan bagi penyelidikan dan pembangunan dalam sains dan teknologi sesuai dengan tambahan usaha-usaha mengindustrikan negara kita.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua,

- (a) berhubung dengan peratusan perbelanjaan ini ingin saya maklumkan bahawa melalui kajian awal (preliminary report) yang telah dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, perbelanjaan adalah dianggarkan sebanyak 0.64%—Keluaran Kasar Negara (GNP) untuk tahun 1981. Angka ini merupakan peruntukan perbelanjaan dan pembangunan yang telah diberi kepada institusi-institusi penyelidikan.
- (b) mengenai bilangan Ahli-ahli Sains dan Teknikal pula, mengikut "Laporan Kajian Tenaga Manusia, 1973", jumlah pada tahun 1973 adalah seramai 42,990 orang. Ini termasuk ahli-ahli sains fizikal seperti ahli kimia dan fizik, doktor, jurutera, juruukur, akitek, jurustatistik. Mengikut Rancangan Malaysia Keempat, jumlah keluaran daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dalam bidang-bidang tersebut bagi tempoh 1973 hingga 1980 adalah 22,280 manakala jumlah keluaran bagi tempoh 1981 hingga 1985 adalah dijangkakan seramai 26,463 orang. Walau bagaimanapun, angka-angka ini tidak

mencerminkan semua bilangan ahli-ahli sains dan teknikal yang terdapat di dalam negeri oleh kerana ianya tidak termasuk ahli-ahli yang berkelulusan dari institusi-institusi pengajian tinggi seberang laut. Mengenai nisbah bilangan ahli-ahli sains dan teknikal kepada bilangan penduduk, Malaysia mempunyai 3.7 para saintis dan teknikal untuk tiap-tiap seribu orang penduduk pada tahun 1973. Nisbah bagi tahun 1980 hanya boleh didapati apabila Laporan Banci Penduduk, 1980 disiapkan. Perbandingan dengan negara-negara jiran tidak dapat dibuat oleh kerana ketiadaan data-data yang boleh membuat perbandingan itu.

- (c) Kerajaan sedar akan keperluan ahli-ahli sains dan teknikal dalam bidang perindustrian. Dari segi keperluan ahli-ahli sains dan teknikal, usaha-usaha telah dan sedang diambil untuk menambahkan lagi jumlah keluaran siswazah sains dan teknikal daripada institusi-institusi pengajian tinggi. Sepertimana yang tersebut di atas, seramai 26,463 siswazah dalam bidang sains dan teknikal dijangka akan keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Ini merupakan pertambahan sebanyak 62.7% dari bilangan 16,262 yang telah keluar pada tempoh 1976 hingga 1980.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

3. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kemajuan yang dijalankan setakat ini

di dalam Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di negara kita dan tidaklah di dalam rancangannya menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar ataupun sekurang-kurangnya Bahasa Utama yang mesti dan wajib dipelajari di samping Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, mohon izin saya maklumkan bahagian pertama soalan ini telahpun dijawab dengan sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Dewan yang mulia ini pada 9hb November, 1982.

Bagi soalan bahagian kedua, untuk makluman Yang Berhormat projek ini adalah anjuran bersama antara negara-negara Islam termasuk Malaysia.

Bahasa Pengantar yang telah dipersetujui bersama oleh negara-negara penganjur ialah bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Walaupun begitu, Bahasa Malaysia akan digunakan seluas-luasnya yang boleh bagi hal-hal urusan pentadbiran di Universiti ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi perancangan awal ini daripada manakah tenaga pengajar yang akan diambil dan adakah negara kita ini mampu memenuhi tenaga pengajar di universiti tersebut. Apakah sekiranya terdapat pelajar-pelajar bukan Islam, misalnya, anak buah Wakil dari Kota Melaka ataupun dari Jelutong yang ingin hendak mendalami pengajian Islam, bolehkah dibenarkan memasuki universiti tersebut?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, segala perkara-perkara yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi seterusnya nanti akan ditentukan oleh Lembaga Amanah dan juga Majlis Universiti ini yang akan menentukan dasar mengikut

macam saya katakan tadi persetujuan bersama oleh negara-negara penganjur.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, apakah tidak ada kemungkinan pada masa hadapan bahawa pengantar di Universiti Islam ini akan menggunakan juga bahasa kebangsaan kerana setahu saya, Tuan Yang Dipertua, seperti di Indonesia, Universiti Islamnya tidak tinggal dari segi menggunakan bahasa ibundanya sebagai bahasa pengantar.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, suka saya hendak menyatakan bahawa dasar yang ditentukan nanti adalah bergantung kepada Lembaga Amanah dan juga badan ataupun Majlis yang mana semua wakil-wakil daripada negara-negara penganjur yang akan menentukan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai syarat-syarat kemasukan penuntut-penuntut di Universiti Islam ini, adakah syarat kemasukan tersebut sama dengan syarat yang dikenakan oleh Unit Pusat-pusat Universiti tempatan yang ada sekarang ini ataupun pelajar-pelajar daripada Maahad yang lulus IV Sanawi atau lebih tinggi daripada Maahad yang ada di dalam negara ini boleh masuk ke Universiti Islam.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, Univerisiti Islam ini adalah universiti antarabangsa dan unit yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak akan menentukan mereka yang akan masuk ke universiti ini. Selain daripada itu, sekali lagi saya hendak menyatakan segala dasar mengenai universiti ini sudah tentu akan dikeluarkan oleh pihak Lembaga Amanah dan juga pihak Majlis Univerisiti itu sendiri.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan penubuhan Univerisiti Islam ini apakah Kerajaan hari ini telah pun menubuhkan Jawatankuasa Induk bagi penyelenggaraan awal universiti seperti yang lazimnya ataupun yang pernah dilakukan dalam penubuhan universiti-universiti yang lain.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran dulu pun kita telah menyatakan bahawa sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan. Dan ingin saya nyatakan di sini, selain daripada itu, kerja-kerja lain dari segi keperluan penubuhan ini telah pun dilaksanakan termasuk perbincangan yang telah diadakan oleh Kerajaan Malaysia dengan beberapa buah negara-negara Islam. Dan ingin juga saya tambahkan di sini bahawa kita telah mendapat satu sokongan moral dan sokongan kewangan yang kuat daripada negara-negara Islam yang ingin menjadi penganjur-penganjur utama. Saya ingin menyebutkan di sini negara-negara itu ialah UAE, Kuwait, Arab Saudi dan sebagainya.

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

4. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sejak Pelan Struktur, Pelan Induk Kuala Lumpur dipamerkan, berapa banyak bantahan telah diterima dan apakah kemajuan telah dibuat setakat ini untuk melaksanakan Pelan Induk baru.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum pameran Pelan Struktur Kuala

Lumpur yang telah bermula pada 1hb September, 1982 telah berakhir pada 7hb Oktober, 1982 yang lalu. Sehingga 10hb November, 1982, sebanyak 174 bantahan atau pandangan telah diterima, yang mengandungi 134 permohonan untuk didengar dan 40 bantahan atau pandangan bertulis. Jadual bagi permohonan untuk didengar telah bermula pada 27hb Oktober, 1982 yang lalu dan berakhir pada 12hb November, 1982. Manakala tarikh berakhir untuk bantahan atau pandangan bertulis boleh diterima oleh Dewan Bandaraya ialah sehingga 30hb November, 1982.

Untuk Makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Pelan Struktur akan dibuat secara perperingkat-peringkat. Setelah proses bantahan selesai dan kelulusan Pelan Struktur diberi oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan selanjutnya untuk menyediakan Pelan-pelan Tempatan secara berperingkat mengikut keutamaan yang ditentukan. Pelan Tempatan ini merupakan pelaksanaan bagi sesuatu kawasan itu.

Untuk tujuan di atas, satu Jabatan khas akan ditubuhkan yang mana akan bertanggungjawab penuh terhadap pelaksanaan Pelan Struktur itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk membukakan pelan struktur tempatan itu untuk pameran ataupun untuk menanya pendapat dan teguran dari khalayak ramai.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, mengikut peraturannya apabila sahaja selesai cadangan dibuat untuk mengadakan pelan tempatan dan diwartakan, maka mereka yang berkenaan bagi kawasan yang dimaksudkan itu boleh memberi pandangan pada masa-masa yang ditentukan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa 134 bantahan telah diterima. Suka saya mendapat tahu apakah tindakan pihak Kementerian akan mengambil untuk menentukan bahawa bantahan-bantahan ataupun pandangan-pandangan yang membina akan ditimbang dengan wajar dan diterima sebagai pindaan kepada pelan struktur tentang apa-apa bahagian yang hendak dipinda.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang diketahui tujuan kita mengadakan masa untuk orang ramai membuat bantahan atau didengari ialah bagi memberikan garis-garis panduan ataupun petunjuk dalam kita melaksanakan pelan struktur Kuala Lumpur ini, dan sudah pasti sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi mana-mana pandangan-pandangan yang dianggap tidak menyalahi pada soal dasar dan strategi sebagaimana yang ditentukan dalam pelan struktur Kuala Lumpur ini akan diambil kira. Namun begitu, saya ingin menyatakan bahawa setakat ini sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkitkan lebih merupakan bantahan ataupun pandangan-pandangan yang berkenaan dengan pelan tempatan sahaja. Oleh yang demikian, buat setakat ini segala apa yang telah dikemukakan itu akan hanya diambil kira pada masa kita melaksanakan pelan tempatan itu kelak.

Tuan Mohamed Idris bin Mohammed Basri: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan iaitu mengikut penerangan beliau pelan struktur Kuala Lumpur akan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Saya ingin tahu satu projek yang dinamakan,

dengan izin, 'Flood Mitigation Projek Phase I' yang akan menelan belanja \$380 juta di peringkat manakah projek ini akan dimasukkan di dalam pelaksanaan pelan induk yang baru ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya Flood Mitigation Programme ataupun Rancangan Tebatan Banjir ini telah pun dijalankan dan kita mempunyai rancangan jangka panjang dan jangka pendek dan pada peringkat awal ini beberapa peruntukan telah pun disediakan untuk melaksanakan sebahagian daripada rancangan jangka pendek. Sudah pasti sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa untuk rancangan jangka panjang banyak kawasan-kawasan yang akan terlibat dan ini telah pun diambil kira dalam masa kita merancang pelan struktur Kuala Lumpur ini.

BADAN-BADAN BERKANUN—PRESTASI

5. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan syarikat yang dipunyai separuh ataupun keseluruhan oleh berbagai badan berkanun di bawah Kementerian beliau;
- (b) apakah kawalan-kawalan yang terdapat tentang prestasi badan-badan berkanun ini dan anak-anak syarikatnya serta syarikat-syarikat bersekutu; dan
- (c) bilangan badan berkanun dan anak-anak syarikat yang menunjukkan kerugian di dalam penyata penyesuaiannya.

6-12-1982.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan bilangan syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan oleh

Perbadanan-perbadanan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah ditutup kerana menanggung kerugian mengikut Perbadanan-perbadanan berkenaan dan sebab-sebab kerugian dan kegagalannya.

6-12-1982.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyakkah projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kerajaan-kerajaan Negeri yang gagal/rugi dan berapa jumlah kerugian yang ditanggung oleh tiap-tiap Perbadanan itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, saya ingin memohon kebenaran menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wan Ibrahim bin Abdullah dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat yang dijadualkan pada 6hb Disember, 1982 yang akan datang, oleh kerana soalan-soalan itu adalah berkenaan dengan perkara-perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua, saya telah pun memberi penjelasan yang panjang lebar mengenai prestasi syarikat-syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), dalam Sessi Parlimen yang lalu iaitu pada 12hb Mac, 1982. Saya juga telah menjawab mengenai syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan Awam di bawah Kementerian saya iaitu UDA pada 11hb November, 1981.

Seperti yang telah saya tegaskan dalam sesi yang lalu, PKEN-PKEN dan UDA, telah masing-masing menubuhkan sebanyak 321 dan 113 buah syarikat-syarikat semenjak mereka ditubuhkan. Daripada jumlah ini syarikat-syarikat yang telah ditutup

ialah sebanyak 41 buah bagi PKEN-PKEN dan 9 buah lagi bagi UDA. Jumlah kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat PKEN tersebut ialah lebih daripada \$62.0 juta, termasuk \$45 juta yang dialami oleh Syarikat Gula N.S. Sementara Syarikat UDA pula telah mengalami kerugian sebanyak \$521,089. Syarikat-syarikat ini termasuklah syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang pertanian, elektronik, pembuatan memproses makanan dan sebagainya.

Antara sebab-sebab kerugian tersebut termasuklah faktor-faktor teknikal seperti iklim dan tanah yang tidak sesuai, persaingan pasaran yang hebat dan kelemahan pengurusan dan kurangnya kemahiran untuk mengendalikan syarikat-syarikat tersebut. Syarikat-syarikat tersebut ditutup setelah dikaji dengan teliti dan didapati bahawa masa hadapan syarikat-syarikat tersebut adalah tidak meyakinkan.

Sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya sentiasa mengawasi dan meneliti perjalanan syarikat-syarikat awam ini dari masa ke semasa. Kementerian saya telah mengarahkan supaya PKEN-PKEN dan UDA mendapatkan maklumat-maklumat berkala termasuk maklumat bulanan dan suku tahunan dan memanjangkannya kepada Kementerian saya supaya pengawasan rapi dan teliti dapat diwujudkan. Melalui Sistem Maklumat Pengurusan yang menggunakan komputer, tindakan-tindakan dapat diambil sekiranya syarikat tersebut tidak mencapai tahap prestasi seperti dirancangkan.

Juga badan-badan awam ini tidak lagi dibenarkan menubuhkan anak-anak syarikat baru atau memulakan projek-projek baru selagi mereka tidak dapat mengenalpasti pengurus-pengurus yang berkemampuan untuk mengendalikan syarikat-syarikat atau projek-projek baru itu.

MURID MENGANGGUR SELEPAS BERHENTI SEKOLAH

6. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan murid-murid sekolah yang menganggur selepas berhenti sekolah semenjak tahun 1979 dengan memberi angka pecahan mengikut Negeri dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah meminta angka pecahan mengikut tiap-tiap negeri, ini menjadikan jawapan saya agak panjang dan saya mohon izin untuk memberi jawapan saya secara bertulis.

Tuan Yang Dipertua: Ya, saya benarkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).

HOSPITAL BESAR ALOR SETAR/ HOSPITAL DAERAH SUNGAI PETANI DAN KULIM—KAKITANGAN

8. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kekurangan kakitangan dalam bahagian bersalin dan lain-lain bahagian penting di Hospital Besar Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim pada masa ini, jika ya, apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi kekurangan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan kakitangan para perubatan dan kategori-kategori kakitangan yang lain di Hospital Besar Alor Setar, Hospital Daerah Sungai Petani dan Hospital Daerah Kulim adalah mencukupi bagi menampung keperluan pesakit-pesakit. Kekurangan hanya terdapat bagi jawatan Pegawai Perubatan yang mana merupakan masalah yang sedang dihadapi pada keseluruhan bagi semua negeri. Walau bagaimanapun, saya suka meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi dasar Kementerian untuk mewujudkan keseimbangan dalam penempatan doktor-doktor yang sedia ada kepada negeri-negeri yang berkenaan. Kementerian akan berusaha untuk menghantar doktor-doktor tambahan ke hospital-jospital di negeri Kedah apabila diperolehi nanti.

PERMIT TEKSI— PEMBATALAN

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada permit teksi pernah dimansuhkan ataupun tidak dibaharui atas sebab teks yang berkenaan tidak dipandu oleh tuannya permit. Jika ada, sila sebutkan:

- (i) bilangan permit-permit yang telah dimansuhkan atau yang tidak dibaharui sejak bulan Januari, 1981; dan
- (ii) keturunan pemegang-pemegang permit yang telah dimansuh atau tidak diperbaharui itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmood): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya memang ada mengambil tindakan membatalkan atau

tidak membaharui permit teksi atas alasan teksi tersebut tidak diusahakan sendiri.

Dari bulan Januari, 1981 hingga masa kini jumlah yang dibatal atau tidak dibaharui ialah sebanyak 203 buah.

Dari jumlah yang dibatalkan pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

(a) Melayu ..	132 buah
(b) Cina	60 buah
(c) India	11 buah

Dalam masalah pembatalan ataupun melanjutkan permit teksi yang telah tamat tempohnya ada beberapa pertimbangan yang diberikan untuk membolehkan sesebuah permit itu disambung semula. Pertamanya, pihak pemegang permit mestilah membuktikan bahawa ianya bergantung semata-mata kepada pendapatan dari permit teksi tersebut untuk nafkah hidup dan keadaan begini biasanya terdiri dari kes-kes di mana seseorang pemegang permit itu telah meninggal dan balu serta keluarganya bergantung semata-mata ke atas permit tersebut.

Dalam hal ini, Tuan Yang Dipertua, pihak yang berkenaan mestilah mengemukakan permohonan baharu dengan menunjukkan bukti bahawa beliau akan memandu sendiri teksi tersebut atau dalam hal seperti seorang balu bolehlah beliau mengemukakan nama seorang waris yang akan membawa teksi tersebut. Dalam menimbang sama ada tempoh sesebuah permit itu boleh disampingkan atau tidak, setiap kes adalah diteliti mengikut kelayakan masing-masing.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang Dipertua, adakah Kerajaan bercadang menarik balik permit-permit teksi dari syarikat-syarikat besar dan

memberikan permit-permit teksi itu kepada pemandu teksi sendiri?

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, sesebuah permit teksi itu akan ditimbang sama ada ianya dapat disambung atau tidak apabila seseorang yang terlibat itu membuat permohonan hendak menyambungkannya. Manakala permit yang ditarik kembali itu tidak semestinya kita berikan kepada pemandu-pemandu yang lain kerana tidak ada hubungan di antara permit yang ditarik kembali dengan permit-permit baharu yang dikeluarkan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setelah Kementeriannya membaharui lesen-lesen teksi yang berkenaan sama ada Kementerian Perusahaan Awam masih membenarkan pemandu-pemandu gantian?

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, masalah pemandu gantian ini kita beri pertimbangan kepada kes-kes yang tertentu. Dengan ini tidaklah menjadi sebagai suatu perkara yang biasa di mana setiap permohonan untuk mendapatkan pemandu gantian itu secara automatik diluluskan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah daripada 203 buah teksi yang dibatalkan kebenarannya itu termasuk teksi-teksi kepunyaan syarikat-syarikat bumiputera yang dialibabakan?

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, sama ada sesebuah syarikat itu dialibabakan atau tidak, tidak dapat kami pastikan kerana maklumat-maklumat mengenai dialibabakan ini tidak disampaikan kepada pihak Kementerian. Walau bagaimanapun, kiranya Ahli Yang

Berhormat atau lain-lain pihak mempunyai maklumat-maklumat mengenai perkara ini, insya Allah, kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan selepas menerima permohonan dari seorang yang ingin membawa teksi kemudian orang itu dipanggil untuk temuduga, apakah garis panduan yang telah ditetapkan di dalam temuduga itu dan selepas temuduga itu bila pemohon itu akan diberi tahu permohonannya ada mendapat kelulusan ataupun tidak.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, soalan ini adalah agak luar sedikit daripada soal asal. Walau bagaimanapun, saya cuba memberi penerangan sekadar yang dapat demi memenuhi kehendak Ahli Yang Berhormat tersebut.

Di dalam satu-satu permohonan permit teksi, seseorang itu hendaklah memenuhi satu borang yang tertentu mengikut syarat-syarat yang tertentu. Kemudian setelah borang ini disampaikan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ), sekeping kertas kad putih menandakan borangnya itu telah diterima akan diposkan kepada pihak yang berkenaan dan selepas itu sekeping kad putih lain akan menyusuli menandakan nombor fail pemohon yang tersebut dan ini akan disusuli pula dengan panggilan temuduga kiranya-kiranya, saya ulangi Tuan Yang Dipertua, permohonan itu mengikut syarat-syarat sepertimana yang dikehendaki. Setelah dipanggil temuduga, beberapa perkara dipertimbangkan:

Pertama, seseorang itu mempunyai lesen PSV (Lesen Pemandu Perkhidmatan Awam) bagi memandu teksi mengikut tempoh-tempoh yang tertentu.

Kesihatan ada memberi jawapan yang jelas tentang kemahiran pakar-pakar perubatan di hospital kami, jadi adakah pihak Kementerian atau hospital ingin mengadakan 'heart transplat' pada masa yang akan datang?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya kena bertanya kepada pakar.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan jantung berlubang ini banyak penduduk-penduduk kita yang mengidap penyakit jantung berlubang dihantar ke luar negeri, terutama ke Filipina, terdapat juga tidak berjaya dan di Malaysia ini berapa peratuskah kejayaan yang kita capai dan berapa peratuskah yang tidak berjaya?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya rasa jika sekiranya peratusnya adalah peratusan yang tinggi sekali, ada satu dua kes sahaja yang tidak berjaya setakat ini. Jadi kita pada masa peringkat permulaan sahaja dan di dalam kes-kes yang seperti itu ada banyak kes yang boleh dibedah dan ada yang susah dibedah di mana doktor cuba untuk menyelamatkan nyawa melalui pembedahan. Jadi soal berjaya atau tidak, tidaklah mencerminkan kebolehan doktor tetapi tertakluk kepada keadaan pesakit itu.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian ataupun apakah pertolongan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan dalam kes-kes menghantar pesakit jantung berlubang ke luar negeri di bawah tajaan kelab-klub seperti Lions Club dan Rotary untuk mendapatkan rawatan. Apakah sumbangan Kementerian Kesihatan

dalam kes-kes jantung berlubang pada masa lampau dan pada masa sekarang?

Tuan Pengerusi: Saya fikir soalan itu tak bersangkutan dengan soalan asal.

JEPUN/KOREA—DASAR PANDANG KE TIMUR

12. **Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Cina dan Formosa selain daripada Jepun dan Korea juga termasuk sasaran "Pandang Timur".

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, Dasar Pandang ke Timur yang menitikberatkan rancangan pembangunan tenaga manusia melalui skim-skim latihan dan pelajaran untuk mendapatkan teknologi dan teknik pengurusan daripada negeri-negeri Jepun dan Korea tidak melibatkan negara China ataupun Taiwan.

GURU BAHASA IBUNDA (P.L.O.) ELAUN

13. **Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru-guru Bahasa Ibunda (P.O.L.) yang mengajar Bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah selalu lambat menerima elaun dan mengapa perkara ini berlaku.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran belum pernah menerima aduan mengenai lambat pembayaran elaun daripada guru-guru Bahasa Ibunda (P.O.L.) yang mengajar bahasa Cina dan Tamil. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat juga seorang dua guru tersebut menerima elaun mereka lambat sedikit. Perkara ini berlaku kerana terdapat beberapa kesilapan dalam borang-borang tuntutan mereka

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sejak tahun 1980 hingga 10hb November tahun ini sebanyak 343 kes penyakit jantung berlubang telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan. Sebanyak 65 pembedahan jantung berlubang telah dijalankan oleh Unit Cardio-Thoracic di Hospital Besar, Kuala Lumpur sejak penubuhannya pada bulan April tahun ini.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lama seseorang pesakit jantung berlubang hendak menunggu untuk pembedahan setelah pendaftaran dengan Hospital Besar?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, biasanya masa menunggu adalah lebih kurang 5 minggu. Tetapi dalam kes-kes yang lebih mendesak dan segera, pembedahan boleh dijalankan dalam seminggu atau dua.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rawatan jantung berlubang ini pihak Kementerian bercadang untuk memberi percuma kepada keluarga yang tidak mampu atau apakah pihak Kementerian mempunyai cadangan lain atau telah pun mengadakan tabung bagi menolong kepada pesakit-pesakit jantung berlubang anak-anak keluarga yang tidak mampu?

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, pembedahan 65 orang yang saya katakan tadi telah semuanya dijalankan secara percuma. Dalam masa-masa yang akan datang khususnya selepas 1hb Disember bayaran akan dikenakan kepada pesakit-pesakit yang berkenaan mengikut kelas di mana mereka dimasukkan untuk rawatan dan memangnya terdapat

dalam Peraturan-peraturan Pembayaran Hospital di mana mereka yang tidak mampu boleh dikecualikan daripada pembayaran ataupun pembayaran yang ditetapkan itu dikurangkan daripada ratenya yang disebutkan.

Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh sebab sejak kebelakangan ini banyak pesakit-pesakit daripada negara kita terpaksa pergi ke hospital-hospital di negara-negara asing untuk mendapatkan rawatan dan pembedahan berkenaan dengan penyakit-penyakit jantung berlubang ini, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan sama ada Kerajaan akan bercadang untuk mewujudkan banyak lagi unit-unit pembedahan jantung di seluruh hospital-hospital di dalam negara kita ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, tidaklah dalam keupayaan kita untuk mewujudkan Unit Pembedahan jantung (cardio-thoracic) di seluruh negara ataupun di hospital yang terdapat kerana kepakaran yang diperlukan untuk pembedahan ini adalah suatu yang sangat tinggi dan kemudahan-kemudahan peralatan dan kakitangan yang dikehendaki adalah satu yang susah untuk dipenuhi jika diheboh-hebohkan, tetapi Kerajaan memang berhasrat untuk memperluaskan pembedahan yang terdapat di Hospital Besar Kuala Lumpur pada masa ini dan sekarang ini juga kita telah menghantar beberapa orang doktor untuk mendapat latihan sebagai pakar pembedahan jantung, sebagai cardiologist, sebagai pakar bius untuk pembedahan jantung, juruteknik-juruteknik dan kakitangan-kakitangan di dalam wad atau bilik pembedahan dan lain-lain.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kesihatan ada memberi jawapan yang jelas tentang kemahiran pakar-pakar perubatan di hospital kami, jadi adakah pihak Kementerian atau hospital ingin mengadakan 'heart transplat' pada masa yang akan datang?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya kena bertanya kepada pakar.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan jantung berlubang ini banyak penduduk-penduduk kita yang mengidap penyakit jantung berlubang dihantar ke luar negeri, terutama ke Filipina, terdapat juga tidak berjaya dan di Malaysia ini berapa peratuskah kejayaan yang kita capai dan berapa peratuskah yang tidak berjaya?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya rasa jika sekiranya peratusnya adalah peratusan yang tinggi sekali, ada satu dua kes sahaja yang tidak berjaya setakat ini. Jadi kita pada masa peringkat permulaan sahaja dan di dalam kes-kes yang seperti itu ada banyak kes yang boleh dibedah dan ada yang susah dibedah di mana doktor cuba untuk menyelamatkan nyawa melalui pembedahan. Jadi soal berjaya atau tidak, tidaklah mencerminkan kebolehan doktor tetapi tertakluk kepada keadaan pesakit itu.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementeriannya ataupun apakah pertolongan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan dalam kes-kes menghantar pesakit jantung berlubang ke luar negeri di bawah tajaan kelab-kelab seperti Lions Club dan Rotary untuk mendapatkan rawatan. Apakah sumbangan Kementerian Kesihatan

dalam kes-kes jantung berlubang pada masa lampau dan pada masa sekarang?

Tuan Pengerusi: Saya fikir soalan itu tak bersangkutan dengan soalan asal.

JEPUN/KOREA—DASAR PANDANG KE TIMUR

12. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Cina dan Formosa selain daripada Jepun dan Korea juga termasuk sasaran "Pandang Timur".

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, Dasar Pandang ke Timur yang menitikberatkan rancangan pembangunan tenaga manusia melalui skim-skim latihan dan pelajaran untuk mendapatkan teknologi dan teknik pengurusan daripada negeri-negeri Jepun dan Korea tidak melibatkan negara China ataupun Taiwan.

GURU BAHASA IBUNDA (P.L.O.) ELAUN

13. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru-guru Bahasa Ibunda (P.O.L.) yang mengajar Bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah selalu lambat menerima elaun dan mengapa perkara ini berlaku.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiang Hong): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran belum pernah menerima aduan mengenai lambat pembayaran elaun daripada guru-guru Bahasa Ibunda (P.O.L.) yang mengajar bahasa Cina dan Tamil. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat juga seorang dua guru tersebut menerima elaun mereka lambat sedikit. Perkara ini berlaku kerana terdapat beberapa kesilapan dalam borang-borang tuntutan mereka

dan kadangkala mereka terlambat mengemukakan tuntutan mereka ke sekolah-sekolah tempat mereka mengajar.

Tuntutan-tuntutan yang lambat dibayar itu selalunya Pejabat Pelajaran Negeri memberikan perhatian yang sewajarnya dan pada keseluruhannya pembayaran elaun berkenaan diuruskan dengan sempurna.

Tuan Quah Wee Liam: Soalan tambahan. Dalam kawasan saya, saya percaya ramai guru-guru Bahasa Ibunda (P.O.L.) sehingga sekarang belum mendapat menerima elaun semenjak bulan Januari tahun ini. Tuan Yang Dipertua, saya takut kalau Kementerian tidak ambil tindakan serius untuk mengatasi perkara ini, saya takut guru-guru Bahasa Ibunda akan meletakkan jawatan. Tuan Yang Dipertua, adakah Kementerian Pelajaran mengambil tindakan kalau itu berlaku?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, tadi saya telah menyebutkan barangkali ada satu dua guru yang terlibat dalam kelambatan penerimaan elaun mereka kalau kita bandingkan dengan keseluruhan di negara adalah seramai lebih 4,900 kelas P.O.L. dan barangkali di kawasan Ahli Yang Berhormat jika ada satu dua guru yang belum dapat elaun bolehlah memberitahu kepada Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan saya ingat mereka akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dato Lee Kim Sai: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu guru-guru yang mengajar Bahasa Ibunda diberi elaun. Adakah ini bermakna Kementerian Pelajaran hanya membekalkan guru-guru sambilan mengajar bahasa Ibunda di sekolah-sekolah tersebut. Kalau jawapannya ya, kenapa tidak dibekalkan guru-guru tetap untuk mengajar bahasa Ibunda di sekolah-sekolah tersebut?

Tuan Yang Dipertua: Itu tidak bersangkutan.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengambil kira semua guru P.O.L. itu sebagai guru yang berhak bagi sesuatu sekolah itu untuk mengelakkan atau mengatasi berbagai masalah seperti kelewatan menerima elaun dan lain-lain daripada berlaku.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, semua guru-guru yang mengajar di dalam sekolah-sekolah Kerajaan adalah guru-guru yang berhak dan guru-guru itu kita telah memberikan pengiktirafan dan tadi saya telahpun sebutkan kelambatan untuk membayar elaun itu adalah juga oleh sebab kesilapan guru-guru itu sendiri yang mengisi borang-borang tuntutan mereka tidak mengikut garis panduan yang telah diberi kepada mereka. Akan tetapi, jika ada lagi kelemahan di mana-mana peringkat, Kementerian saya akan memberikan perhatian untuk membaiki kelemahan itu.

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH—KEJAYAAN

14. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menerangkan berapakan bilangan Koperasi Pembangunan Daerah yang telah dilancarkan di seluruh negara dan bagaimanakah kedudukannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, sehingga hari ini dua buah Koperasi Pembangunan Daerah telah dilancarkan iaitu di Kubang Pasu, Kedah dan di Sabak Bernam, Selangor. K.P.D. Kubang Pasu

(Koperasi Pembangunan Daerah— bukan Ketua Polis Daerah— didaftarkan pada 22hb Mei, 1982 dan sekarang sedang melaksanakan projek pembinaan 12 pusat karyanika bernilai \$180,000 dan menyediakan dua tapak pasar malam bernilai \$155,000 di daerah Kubang Pasu. K.P.D. Sabak Bernam, Selangor didaftarkan pula pada 12hb April, 1982 dan sekarang sedang melaksanakan projek tambahan kepada empat buah Balai Raya bernilai \$40,000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat 4 buah lagi K.P.D. yang dirancangan akan didaftarkan sebelum penghujung tahun ini iaitu K.P.D. Sik, Kedah, K.P.D. Machang, Kelantan, K.P.D. Marang, Trengganu dan K.P.D. Mersing, Johor.

Datin Paduka Zaleha binti Haji Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Setiausaha Parlimen berkenaan iaitu apakah sebenarnya tujuan Koperasi Pembangunan Daerah dan oleh kerana Koperasi Pembangunan Daerah mungkin juga mencari ahli-ahlinya, tidakkah ianya akan bertindih dengan koperasi-koperasi lain seperti Koperasi Peladang, Syarikat Kerjasama Kilang Padi, Koperasi Serbaguna dan Syarikat Kerjasama Pinjam-meminjam yang begitu banyak ditubuhkan di negara kita ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah pihak Kementerian sedar bahawa projek K.P.D. ini mungkin akan memberi persaingan kepada bukan sahaja Koperasi-koperasi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, malahan kepada kontrektor-kontrektor bumiputera tempatan. Tetapi inilah satu perkara yang baik kerana jika ada persaingan di antara koperasi-koperasi tempatan dan juga kontrektor-kontrektor bumiputera tempatan dengan Koperasi Pembangunan Daerah, maka ini bukan sahaja akan mewujudkan pula satu

keadaan yang sihat, tetapi dapat pula meninggikan lagi mutu pengurusan dan pelaksanaan projek daripada koperasi dan juga kontrektor-kontrektor bumiputera tempatan.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah jenis-jenis bantuan atau subsidi yang diberi kepada Koperasi Pembangunan Daerah dari segi material, kewangan dan pentadbiran.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian tidak buat sekarang ini memberi sebarang bantuan daripada segi material, kewangan ataupun pentadbiran pada K.P.D. yang telah ditubuhkan.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan: Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian berkenaan kepada Koperasi Pembangunan Daerah, sekiranya Koperasi itu menanggung kerugian berterusan?

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soalan itu, soalan itu ialah hypothesis.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi ada menerangkan bahawa kawasan Sabak Bernam diwujudkan Koperasi Pembangunan Daerah, oleh sebab Bagan Datok ataupun Hilir Perak hampir sama masalahnya, adakah Kementerian ini bercadang untuk mewujudkan Koperasi Pembangunan Daerah di Bagan Datok dan Hilir Perak?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi hanya dua buah K.P.D. ataupun Koperasi Pembangunan Daerah yang telah

diwujudkan buat hari ini dan 4 buah lagi yang dirancangan akan didaftar sebelum penghujung tahun ini, jika sambutan daripada rakyat, daripada 6 buah kawasan tersebut itu memuaskan, saya percaya kawasan Ahli Yang Berhormat tadi bolehlah ditimbangkan juga.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar dengan wujudnya K.P.D. akan memberikan persaingan hebat kepada kontraktor-kontraktor bumiputera tempatan, kalau ada bagaimana hendak menyelesaikan masalah itu?

Tuan Yang Dipertua: Tadi sudah dijawab soalan itu, saya tidak benarkan.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, adakah keahlian Koperasi Pembangunan Daerah terbuka kepada semua bangsa ataupun sebaliknya, jika ya, bagaimanakah sambutan daripada golongan bukan bumiputera terhadap Koperasi Pembangunan Daerah ini?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memanglah Koperasi Pembangunan Daerah ini dibuka kepada semua bangsa dan buat sekarang ini sambutan daripada golongan bukan bumiputera boleh dikatakan memuaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat di Koperasi Pembangunan Daerah, Kubang Pasu seorang Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada bukan bumiputera yang dipilih dalam Mesyuarat Agung mereka.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah perlantikan Pegawai Daerah ataupun

Pegawai Pembangunan Daerah sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi Pembangunan Daerah itu tidak menimbulkan suatu keadaan ataupun kesulitan dari sudut pentadbiran. Contohnya mungkin wujud oleh kerana Pegawai Daerah ini dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah K.P.D., mungkin wujud nanti pilih kasih di dalam pemberian projek-projek pembangunan luar bandar, itu yang pertama.

Yang kedua, oleh kerana terdapat sungutan-sungutan daripada kontraktor-kontraktor bumiputera di mana Koperasi Pembangunan Daerah ini akan dilancarkan di kawasan Tenggara contohnya, tidakkah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bercadang untuk memberikan projek yang melebihi \$25,000 kepada K.P.D. dan membiarkan projek yang bernilai di antara \$5,000 hingga \$25,000 kepada pemborong-pemborong tempatan dan tidak 25% diberi kepada K.P.D. seperti yang disyaratkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, keadaan yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, pihak Kementerian berharap tidaklah akan wujud, bagaimanapun cadangan daripada Ahli Yang Berhormat yang menyebut angka-angka tadi, bolehlah dipertimbangkan oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 15 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

7. **Tuan Seow Hun Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah

langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah, memandangkan kekurangan rumah-rumah jenis itu yang amat serius dan rumit di Pulau Pinang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Kerajaan sentiasa sedar bahawa betapa perlunya disediakan rumah kos rendah dengan banyak untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah.

Di dalam Rancangan Malaysia Keempat, Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak \$37,300.00 untuk membina 1,893 unit. Peruntukan tambahan (forward commitment) sebanyak \$48,678,000 telah diperuntukkan untuk membina 2,607 unit rumah awam kos rendah menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak \$85,978,000 bagi pembinaan 4,500 unit rumah kos rendah.

PETRONAS—PENGAMBILAN KAKITANGAN

15. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada peluang pekerjaan di semua peringkat dalam PETRONAS akan diuntukkan kepada semua kaum menurut Dasar Ekonomi Baru dan jika tidak sama ada terdapat sebarang cadangan untuk menukar dasar pengambilan kakitangan bagi PETRONAS memandangkan bahawa ramai rakyat dari semua keturunan mempunyai kelayakan-kelayakan untuk mengisi berbagai-bagai jawatan dalam Petronas.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: PETRONAS menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua kaum di negara ini sejajar

dengan keperluan Dasar Ekonomi Baru. Dalam usaha mengseimbangkan komposisi kaum di dalam industri petroleum, PETRONAS perlu mengambilkira penyertaan semua kaum di dalam industri petroleum secara keseluruhannya termasuklah syarikat-syarikat minyak yang ada di negara ini apabila menguruskan pengambilan tenaga pekerjanya.

DOKTOR MELETAKKAN JAWATAN

16. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah doktor yang meletakkan jawatan sejak 5 tahun lepas dan nyatakan sebab-sebabnya. Di antaranya berapakah bilangan doktor Pakar dan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi perkara ini.

Dato K. Pathmanaban: Seramai 765 orang Pegawai Perubatan dan 84 orang Pakar telah meletakkan jawatan dalam tempoh masa 5 tahun yang lepas.

Doktor-doktor yang meletakkan jawatan tidak dikehendakki memberi apa-apa sebab mengikut syarat-syarat perkhidmatan sekarang. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya doktor-doktor itu menyatakan sebab-sebab peribadi apabila meletakkan jawatan dari perkhidmatan Kerajaan. Haruslah kita ingat bahawa dalam masa yang sama sebanyak 1,488 Pegawai Perubatan telah masuk perkhidmatan. Seramai 244 orang Pegawai Perubatan telah juga dilantik sebagai Pakar dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam masa itu. Secara bersih (net) bilangan Pegawai Perubatan dan Pakar telah bertambah sebanyak 883 dalam 5 tahun ini.

Setengah daripada Pegawai yang meletakkan jawatan adalah mereka yang tidak pada permulaannya berhasrat berkhidmat dengan Kerajaan dan hanya berada di perkhidmatan Kerajaan kerana

perkhidmatan itu adalah diwajibkan selama 3 tahun di bawah Akta Perubatan 1971.

Kementerian ini telah dan sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengekalkan perkhidmatan Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar dengan Kementerian Kesihatan, iaitu:

- (i) Memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan dan suasana berkhidmat bagi Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar.
- (ii) Menggalakkan doktor-doktor melanjutkan pelajaran bagi memperoleh kelayakan lanjutan (Kepakaran) dalam bidang-bidang klinik dan kesihatan umum.
- (iii) Menambahkan bilangan biasiswa dan memberi kemudahan cuti belajar untuk Pegawai-pegawai Perubatan mengikut pelajaran lanjutan.

Selain dari langkah-langkah tersebut, Kementerian juga mengambil tindakan yang perlu untuk membaiki peluang-peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar.

PERISYTIHARAN DARURAT— PEMBATAN

17. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berhajat untuk memansuhkan keempat-empat Perisytiharan Darurat yang masih wujud yakni Perisytiharan Darurat tahun 1964 untuk menghadapi konfrontasi Indonesia, Perisytiharan Darurat tahun 1966 untuk menggulingkan Ketua Menteri Sarawak ketika itu Datuk Stephen Kalong Ningkan, Perisytiharan Darurat tahun 1969 untuk menghadapi rusuhan kaum Mei 13 dan

Perisytiharan Darurat tahun 1977 untuk menggulingkan Kerajaan PAS di Kelantan kerana keadaan yang menyebabkan perisytiharan-perisytiharan tersebut diisytiharkan tidak wujud lagi.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjamin supaya keselamatan dan kestabilan negara sentiasa terkawal bagi membolehkan pembangunan berjalan dengan lancar demi kebahagiaan rakyat. Dalam hubungan ini Kerajaan perlu mengemukakan langkah-langkah pencegah (preventive measures) bagi mengekalkan keselamatan dan kestabilan negara dengan cara mengekalkan Ordinan-ordinan yang telah dibuat di bawah Peraturan-peraturan Darurat tersebut. Oleh itu Kerajaan belum bercadang untuk membatalkan Perisytiharan-perisytiharan Darurat yang mana pembatalannya membawa implikasi kepada terhenti berkuatkuasanya Ordinan-ordinan tersebut.

PELAJARAN AGAMA ISLAM/ BUKAN AGAMA ISLAM

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan berhajat untuk membenarkan murid-murid bukan Islam diajar agama mereka sendiri sementara murid-murid Islam diajar Islam; jika tidak, sama ada ini adalah bertentangan dengan prinsip Rukunegara mengenai "Kepercayaan kepada Tuhan", beri sebab-sebab.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Mengikut peraturan sekarang apabila murid-murid Islam mempelajari pelajaran Agama Islam, murid-murid bukan Islam mempelajari bahasa ibunda. Bagi kelas-kelas yang menggunakan Karikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) iaitu

kesemua Darjah I tahun 1983, apabila murid-murid Islam mempelajari agama Islam murid-murid bukan Islam mempelajari pelajaran moral.

Kerajaan tidak berhajat hendak menukar peraturan ini. Walau pun begitu murid-murid bukan Islam boleh diajar agama mereka sendiri dengan syarat mematuhi peruntukan Akta Pelajaran Seksyen 38 yang mensyaratkan bahawa pengajaran agama selain daripada pengajaran agama Islam tidak boleh dibiayai oleh peruntukan yang diperbuat oleh Parlimen dan murid-murid tidak boleh dibenarkan mempelajari apa-apa agama selain daripada agama yang dianuti melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa murid-murid itu. Pengajaran agama yang sedemikian ini hendaklah diajar di luar waktu persekolahan yang ditetapkan.

**SEKOLAH-SEKOLAH
RENDAH KEBANGSAAN/
JENIS KEBANGSAAN—
PEMBINAAN**

19. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah banyaknya Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang baru yang telah dibina dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Dr Tan Tiong Hong: Untuk makluman Yang Berhormat dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu Kementerian saya telah membina sejumlah 1,038 buah Sekolah Rendah Kebangsaan, 156 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan 56 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Semenanjung. Di Sarawak sejumlah 326 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dibina dan di Sabah pula 331 buah Sekolah Rendah Kebangsaan dan 5 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dibina.

**JAMINHAK (PATENT), BAYARAN
ROYALTI/BRAIN DRAIN**

20. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di dalam masa 5 tahun yang lepas daripada 1977 ke 1981, berapakah telah dibelanjakan oleh negara kita di atas 'patent', 'tanda niaga', pengurusan dan yuran perkhidmatan teknik kepada orang-orang asing dan adakah pertunjukan bahawa perbelanjaan yang 'invisible' ini akan menjadi lebih besar di tahun-tahun yang akan datang;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa untuk negara kita memaju ke dalam bidang sains dan teknologi yang sangat penting dalam usaha kami mengindustrikan dan kurang bergantung atas pendapatan-pendapatan komoditi yang tidak boleh diharapkan, kita mesti jangan hanya menambah ahli-ahli sains dan teknologi saja tetapi usaha-usaha yang kuat mesti diambil untuk memastikan bahawa orang-orang kepakaran ini tidak dihilangkan kepada negara kita kerana 'brain drain' ke negara-negara yang membangun;
- (c) berapakah seriusnya 'brain drain' ini menjejaskan negara kita dalam ertikata bilangan yang hilang daripada tahun 1977 hingga 1981 dan apakah dasar Kementerian mengenai isu yang penting ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mengenai soalan (a) sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah bertanggungjawab meluluskan semua

perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di antara semua syarikat-syarikat perkilangan Malaysia yang dilesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dengan pihak-pihak asing mengenai kegunaan jaminhak (patent), cap dagangan (trade mark), pengurusan dan bantuan teknikal. Kadar bayaran royalti yang biasa diluluskan oleh Kementerian untuk bantuan teknikal dan lain-lain perkhidmatan adalah lebih kurang 2% daripada jualan bersih (net sales).

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak mempunyai perangkaan bayaran royalti sebenarnya yang dibuat oleh syarikat-syarikat perkilangan Malaysia kepada pihak-pihak asing. Walau bagaimanapun, Kementerian berkenaan menganggarkan bahawa dalam tempoh 5 tahun yang lepas dari 1977 ke 1981, jumlah bayaran yang dikenakan oleh sejumlah 372 perjanjian mengenai bantuan teknikal, pengurusan jaminhak dan cap dagangan yang telah diluluskan adalah lebih kurang \$930 juta atau secara purata sebanyak \$183 juta setahun. Tindakan untuk mengumpulkan maklumat yang lebih lengkap sedang diambil oleh Kementerian tersebut. Adalah dijangka bahawa perbelanjaan untuk bantuan teknikal, pengurusan, jaminhak, cap dagangan dan lain-lain khidmat akan meningkat selaras dengan perkembangan aktiviti-aktiviti perindustrian di Malaysia. Sebagai contoh bilangan perjanjian yang memerlukan bayaran royalti yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meningkat daripada 29 dalam tahun 1977 kepada 89 dalam tahun 1981. Untuk tempoh Januari hingga September 1982 jumlahnya ialah sebanyak 61 perjanjian.

(b) Kerajaan sedar bahawa negara memerlukan ahli-ahli sains dan teknologi dan atas

kesedaran ini, Kerajaan telah memberi banyak biasiswa kepada penuntut-penuntut dan juga kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat untuk mengikuti kursus-kursus pengajian dalam berbagai bidang sains dan teknologi.

(c) Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, bilangan pegawai-pegawai Kerajaan dalam bidang sains dan teknologi bagi Kumpulan 'A' yang telah meletakkan jawatan ialah seperti berikut:

Tahun	Pegawai Perubatan	Jurutera	Lain-lain
1980	190	52	64
1981	127	40	25
1982 (sehingga Novem- ber)	291	69	65
JUMLAH	608	161	154

Daripada bilangan ini *tidak dapat ditentukan sama ada mereka berhijrah ke negara lain*. Jika mereka tidak berpindah ke negara-negara lain, maka Kerajaan tidak akan kehilangan "expertise" ini oleh kerana pada hakikatnya, mereka masih lagi memberikan sumbangan kepada negara.

Kerajaan tidak mempunyai dasar mengenai "brain drain" ini iaitu sama ada untuk menyekat mereka daripada golongan profesional berpindah ke negara-negara lain.

KAD PENGENALAN BIRU KEPADA PELARIAN FILIPINA

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) bilangan mereka yang ditangkap setakat ini kerana mengeluarkan

kad pengenalan biru kepada pelarian Filipina dan pendatang haram Indonesia;

- (b) jumlah kad pengenalan biru yang dikeluarkan kepada pelarian Filipina dan pendatang haram Indonesia oleh mereka yang dimaksudkan pada (a) di atas; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk membatalkan kad-kad pengenalan biru tersebut yang dikeluarkan secara salah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Tidak ada pengeluaran kad pengenalan biru kepada mana-mana pelarian Filipina mahupun pendatang haram Indonesia. Oleh hal yang demikian soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Sandakan itu adalah tidak timbul.

**KETERANGAN AHLI DARI
KOTA MELAKA
MENGENAI BREACH OF
PRIVILEGE DI BAWAH
S.O. 80**

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, saya berdiri di atas satu perkara privilege, dan mengikut Erskine May, satu perkara privilege (*Dengan izin*):

“Urgent matters which require the immediate intervention of the House should they occur during a sitting of the House, may be raised at once in spite of the interruption of the debate or other proceedings, except a division in progress.

The conditions with which a claim of privilege must comply in order to be accorded precedence are those mentioned above, viz;

- (i) a *prima facie* case of breach of privilege must be made out; and

(ii) the matter must be raised at the earliest opportunity.” Inilah earliest opportunity.

Tuan Yang Dipertua: Di bawah Standing nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya berdiri di atas perkara Privilege 80 yang menyebut mengenai perkara Privilege dan ini kita digovern oleh Customary Convention, mengenai apabila perkara Privilege yang berlaku, tetapi apa yang saya minta ialah untuk mengambil perhatian Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Nanti sekejap saya baca dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang Dipertua: Ya, di bawah Standing Order 80 (1), ada Committee of Privileges, lepas itu apakah permohonan daripada Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya berdiri di sini untuk mengambil perhatian, kemungkinan satu breach of privilege dan untuk mengikut Convention Parliament bahawa meminta Yang Dipertua untuk menimbang sama ada *prima facie* case breach of privilege, oleh kerana dengan adanya *prima facie* case breach of privilege, barulah satu perkara ini diusulkan untuk dikemukakan kepada Committee of Privileges. Dan mengikut peraturan-peraturan yang biasa apabila satu perkara semacam ini dibangkitkan tidak perlu satu keputusan dibuat, tetapi boleh dibuat kemudian selepas satu pertimbangan, tetapi itu patut dibuat at the earliest opportunity dalam Dewan, sebab itu saya berdiri untuk meminta perhatian dan satu keputusan besuk atau bila, bolehkah saya.

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya Yang Berhormat boleh membawa Usul di bawah Perkara 80 ini dengan memberi notis yang dikehendaki.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, usul pun boleh dibuat, tetapi saya rasa sebelum usul ialah sama ada satu *prima facie* case breach of privilege, oleh kerana apabila kalau Tuan Yang Dipertua membuat satu keputusan bahawa tidak ada satu *prima facie* case, itu tidak lagi menjadi satu subject matter.

Tuan Yang Dipertua: Tetapi Yang Berhormat sila tengok Peraturan 82, "When the House is not sitting", sekarang the House is sitting, jadi saya minta Yang Berhormat jikalau sekiranya hendak membawa apa-apa usul, hendaklah bawa usul setelah diberi notis kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, bolehkah saya minta rayuan di mana. . . .

Tuan Yang Dipertua: Saya beri ruling saya begitu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh saya minta satu keterangan oleh kerana satu breach of privilege bukan satu perkara yang biasa, usul yang menghendaki 14 hari notis, breach of privilege satu perkara yang bila-bila boleh timbul kalau bawa usul, 14 hari mahu tunggu di mesyuarat hadapan. Ini tentulah saya rasa yang sebenarnya mengikut Parliamentary practices bila-bila satu perkara komplek boleh dibuat dan terserah kepada Tuan Yang Dipertua, untuk membuat keputusan sama ada ada satu *prima facie* case, dan kalau ada boleh menjadi satu subjek usul, kalau tidak, perkara itu selesai di sana.

Tuan Yang Dipertua: Pada fikiran saya mengikut Peraturan 82 itu hendaklah diadakah satu usul, selepas daripada itu barulah boleh dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini—itu pada fikiran saya. Dan jikalau sekiranya Dewan ini tidak bersidang maka berkehendakkanlah Yang Dipertua mengatakan ada *prima facie* case. Pada masa sekarang oleh sebab Dewan ini sedang bersidang

maka Yang Berhormat adalah berhak membawakan usul sebagaimana yang disyaratkan oleh Peraturan Mesyuarat kita.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

(Tuan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERUSAHAAN SEKURITI

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan bursa-bursa saham, broker-broker saham dan orang-orang lain yang berniaga sekuriti dan mengenai kesalahan-kesalahan

Misalnya mungkin bagi setengah-setengah tempat di Kuala Lumpur tidak mungkin mereka yang kurang dari 10 tahun dipertimbangkan demi melihat bahawa di Kuala Lumpur ini terlalu banyak teksi-teksi dan terlalu ramai pemohon-pemohon yang baru.

Kedua, masalah kemampuan untuk membeli teksi.

Ketiga, sama ada seseorang itu pemandu teksi atau hanya seseorang itu mempunyai lesen sahaja tetapi tidak memandu teksi. Seterusnya kita memberikan keistimewaan kepada mereka yang dianggap sebagai bekas Angkatan Tentera atau Polis dan mereka ini tidaklah mengikut syarat-syarat pemohon-pemohon yang lain kecuali mereka juga perlu mempunyai Lesen Pemandu Perkhidmatan Awam (PSV).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk membolehkan lebih ramai pemandu teksi boleh mendapat permit teksi, adakah Kementerian berkenaan berhasrat untuk menarik balik permit-permit teksi yang dikeluarkan kepada anak-anak syarikat dan badan-badan yang lain yang ada ditubuhkan oleh parti-parti politik seperti parti-parti politik MCA dan UMNO?

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, peraturan mengenai sama ada permit-permit ini akan ditarik balik atau tidak, sama ada ianya tadi dipunyai oleh anak-anak syarikat daripada MCA dan DAP, adalah sama jawapannya dengan kaedah-kaedah yang telah saya jawab awal tadi.

SKIM GAJI PEGAWAI HAL EHWAL KHAS

10. Datuk Edwin Anak Tangkun minta Perdana Menteri memandangkan bahawa skim gaji pegawai-pegawai Hal

Ehwal Khas yang sedang berkhidmat di seluruh negara sangat kecil dibandingkan dengan harga barang keperluan kini yang telah meningkat naik, adakah beliau bercadang hendak mengulangkaji skim gaji mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak ada satu skim untuk Pegawai-pegawai Hal Ehwal Khas. Oleh yang demikian, soal mengulangkaji tanggagaji bagi Pegawai-pegawai Hal Ehwal Khas ini tidak timbul.

Datuk Edwin Anak Tangkun: Soalan tambahan. Memandangkan masih ramai pegawai-pegawai yang berpangkat rendah seperti pegawai-pegawai dalam kelas 'C', mereka yang menerima gaji \$500 sebulan misalnya dan harga barang hari ini telah meningkat naik, soalan saya ialah apakah cadangan yang baru perlu diambil oleh Kerajaan untuk memuaskan kepada pegawai-pegawai berpangkat rendah kelas 'C' itu supaya keraguan tidak berlaku di masa hadapan kerana masih terdapat kebimbangan di seluruh negara khususnya kebimbangan di negeri Sarawak?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kerajaan belum ada apa-apa cadangan ke arah itu.

PENYAKIT JANTUNG BERLUBANG

11. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan penyakit "jantung berlubang" yang dilaporkan kepada Kementerian dan pembedahan "jantung berlubang" yang dijalankan di Hospital-hospital Kerajaan.

tertentu berhubungan dengan perdagangan sekuriti dan mengenai maksud-maksud lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keempat belas).

Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B. 51, B. 52, B. 53, B. 54,
B. 55, B. 56, dan B. 57 (Jadual)—*

*Maksud P. 51, P. 52, P. 53, P. 54,
P. 55, P. 56, dan P. 57 (Anggaran
Pembangunan, 1983)—*

Tuan Pengerusi: Perbincangan berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan disambung. Yang Berhormat dari Kepong.

3.43 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, muka 508, P. 51, Butiran 32.

Saya hendak memperingatkan kepada Kementerian Pengangkutan berkenaan dengan Pelabuhan Kuantan kerana pada masa ini kita tidak nampak lagi Pelabuhan Kuantan digunakan dengan sepenuhnya. Hakikatnya, setakat ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sudah mengumumkan untuk merasmikan Pelabuhan Kuantan buat kali yang keenam, iaitu satu tahun yang lepas, tetapi setakat ini Pelabuhan Kuantan tidak siap lagi oleh kerana apabila kerja untuk pelabuhan itu buat masa 2-3 tahun yang lepas sebelum pembinaan itu disediakan, langit pun runtuh, bumi pecah, retak sama sekali tidak berguna lagi. Jadi kerja untuk memperbaiki akan menelan belanja berjuta-juta ringgit, suatu pembaziran dan pemborosan wang rakyat dan saya berharap tidak akan berulang lagi. Oleh kerana itu saya menyeru supaya Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan yang lebih tegas dan cepat lagi untuk menentukan Pelabuhan Kuantan itu dirasmikan dan dibukakan untuk penggunaan dengan sepenuhnya. Pada pendapat saya pelabuhan itu tidak seharusnya ditempatkan di Kuantan, baik pelabuhan ini diadakan di Kemaman kerana di situ pantainya lebih sesuai lagi. Walau bagaimanapun, saya berharap Menteri yang berkenaan dapat memperbaiki kaedah dan cara untuk memilih tempat yang sesuai bagi pelabuhan yang baik.

Muka 530, B. 54, Perkhidmatan Penerbangan Awam. Saya membangkitkan di sini sekali lagi tentang Sistem Penerbangan Malaysia kerana walaupun jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai sistem MAS itu yang kononnya "Masih Ada Sistem", tetapi pada pengalaman saya ini tidak wujud sama sekali kerana MAS tetap "Mana Ada Sistem".

Satu tahun yang lepas saya pernah pergi ke Sandakan dan Tawau, Sabah dan saya hantar barang-barang saya

melalui kapal terbang MAS, tetapi bila saya tiba di Sandakan saya tak dapat barang-barang ini dan sehingga satu minggu sejurus sebelum saya pulang ke Semenanjung Malaysia barulah saya dapat barang-barang itu. Beberapa banyak lagi aduan saya terima daripada khalayak ramai yang menggunakan MAS tentang barang-barang baggage yang dibawa oleh MAS. Sehingga sekarang bila saya gunakan MAS saya takut membawa barang-barang yang banyak, hanya briefcase sahaja sebab takut kehilangan.

Peristiwa yang keduanya pada 2-3 minggu yang lepas saya hendak terbang ke Pulau Pinang tetapi tunggu di lapangan terbang daripada 2.30 petang hingga 8.00 malam kerana kononnya kerosakan enjin kapal terbang MAS, jadi kita tunggu di situ. Beberapa ratus penumpang-penumpang yang membuat aduan, rungutan dan sungutan yang sungguh hebat yang tidak dapat dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Suatu bukti yang menunjukkan kita seharusnya memperkemas, memperbaiki kaedah-kaedah dan pentadbiran dalam MAS. Janganlah kita melaung-melaungkan setakat melepaskan batuk di tangga sahaja dan seperti tikus membaiki labu. Oleh itu, saya berharap dan menyeru supaya pihak Kementerian Pengangkutan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dan positif lagi untuk memperbaiki perkhidmatan di dalam Sistem Penerbangan Malaysia.

Untuk perkara ini juga saya akan mencadangkannya supaya Kerajaan mengadakan suatu sistem penerbangan yang kedua, sistem yang boleh dikaji dan kemungkinannya dengan penyertaan sektor swasta. Dengan adanya penyaingan di antara kedua-dua sistem penerbangan ini dapatlah kita meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan untuk sistem penerbangan di negara kita sebab jikalau ada sistem yang tunggal sahaja

yang terdapat sekarang kita tidak dapat meninggikan perkhidmatan, memperbaiki perkhidmatan kerana pegawai-pegawai dan pihak yang berkenaan buat acuh tak acuh sahaja. Kalau ada sistem yang lain barulah mereka sedar bahawa tindakan hendaklah diambil atas semua aduan-aduan yang berasas. Oleh itu, saya menyeru sekali lagi Kerajaan mempertimbangkan dengan seriusnya dan mengadakan suatu sistem penerbangan yang kedua untuk negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

3.50 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan kerana peluang diberi kepada saya untuk bersama-sama membahaskan bagi Maksud B. 51, muka surat 502, Butiran 1300— Tambahan Kos Kakitangan, Program (1) Pentadbiran Am, (c) Majlis Keselamatan Jalan Raya.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas usaha yang gigih dan perancangan yang baik oleh Kementerian Pengangkutan dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan di negara kita yang dikasihi ini.

Saya akan membawa dua masalah di Dewan yang mulia ini iaitu di dalam saat membangun dan memperbaiki mutu perkhidmatan jalan raya dan memperelokkan suasana pandangan dan kebersihan di semua bandar termasuk juga pekan-pekan kecil di negara kita ini. Apa yang menarik hati saya untuk membawa ke Dewan ini iaitu kerap kali terdapat ketidak selarasan menjalankan tugas oleh agensi-agensi dan ketidak khususan tugas di antara satu agensi dengan agensi yang lain iaitu disifatkan sebagai kerja ulangan yang membazir dan tidak memberi faedah iaitu di dalam hal

mengorek di tengah-tengah jalan raya dan di tepi-tepi jalan raya. Kadang-kadang terdapat pihak JKR umpamanya mengorek dan menggali kemudian menambun, kemudian beberapa hari pula pihak JPT mengorek di tempat yang sama dan setelah beberapa hari pula pihak LLN atau Telekom pula menggali dan mengorek serta menambun. Ini bermakna tidak ada selaras di antara usaha mengendalikan yang mana mengakibatkan selalu traffic jam, dengan izin. Ini bukan masalah terlalu laju dan deras memandu difikirkan bahkan terlalu lambat dan membawa kepada kejemuan dan pandangan yang tidak elok dan perasaan yang tidak selesa di tengah-tengah bandar dan mengelakkan daripada berlaku kemalangan jalan raya. Maka di harap supaya Kementerian dapat mencari jalan supaya kerja-kerja yang seumpama ini dapat diselaraskan dan dimajukan dalam pengetahuan tiap-tiap agensi supaya usaha-usaha yang seumpama ini dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, saya juga membahaskan Maksud B. 51, Program (2) Perancangan dan Pembangunan, (b) Pengangkutan Udara.

Sepertimana termaklum bahawa Lapangan Terbang Mata Kuching, Seberang Perai adalah satu lapangan terbang yang tersangat baik dan berkelayakan untuk diadakan sama lapangan terbang awam untuk penerbangan dalam negeri di samping digunakan untuk tentera udara kerana memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di Selatan Kedah, Seberang Perai dan Utara Perak yang mana mereka menggunakan Lapangan Terbang di Bayan Lepas, Pulau Pinang yang mana terpaksa melalui dan menyeberang laut yang mana kadangkala menyebabkan kesesakan lalulintas terutama sekali di jeti berlaku queue, dengan izin, yang panjang yang mengambil masa satu

atau dua jam. Ini adalah membuang masa, atau mereka ini juga menggunakan Lapangan Terbang di Kepala Batas, Alor Setar yang mana tersangat jauh.

Apa yang saya berhajat untuk mengemukakan, Tuan Pengerusi, ialah jika sekiranya pihak Kementerian tidak dapat menjadikan Lapangan Terbang Mata Kuching, Seberang Perai sebagai lapangan terbang perkhidmatan awam, saya syorkan supaya pihak Kementerian mengkaji di suatu tempat yang bernama Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah yang mana tempat ini akan membangun dan kedudukannya di tengah-tengah kawasan yang saya sebutkan tadi untuk dijadikan lapangan terbang. Antara lain juga di satu masa tempat ini telah mempunyai padang kapal terbang yang baik dan luas sejak Perang Dunia II iaitu telah dibina dan digunakan oleh tentera Jepun dahulu.

Sekian, saya menyokong Belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

3.54 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, saya merujuk muka surat 530, Maksud Bekalan 54—Perkhidmatan Penerbangan Awam.

Saya ingin menarik perhatian Menteri Pengangkutan tentang keadaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang terutama tentang kemudahan-kemudahan yang ada sekarang yang tidak sama sekali mencukupi. Saya merujuk terutama tentang Bahagian Kargo di mana saya difahamkan oleh kerana kemudahan-kemudahan yang sedia ada tidak mencukupi dan perancangan lapangan terbang yang buruk, jumlah kargo-kargo yang menggunakan kapal

terbang telah dikurangkan hingga ke 30%. Ini saya difahamkan adalah kerana kekurangan kemudahan-kemudahan gudang untuk barang-barang dan juga barang-barang dagangan tanpa cukai (bonded consignment) dari kargo udara dan faktor-faktor utama yang menyebabkan berlaku adalah kerana kekurangan tempat pemeriksaan Kastam dan gudang-gudangnya juga tidak boleh menampung untuk menyimpan semua barang-barang tersebut. Tempat pemeriksaan Kastam yang sekarang ini yang hanya 600 kaki persegi adalah terlalu kecil untuk memberi perkhidmatan yang baik. Oleh kerana ruang yang terlalu terhad, pengendalian barang-barang menjadi lambat. Tempat pemeriksaan Kastam ini juga terlalu sibuk kerana ia bukan sahaja menempatkan Pegawai-pegawai Kastam tetapi juga ianya digunakan oleh agensi-agensi pengangkutan dan juga kakitangan MAS. Ini bukan sahaja melambatkan kerja atau membolehkan kerja-kerja itu dilakukan dengan cekap. Keadaan ini telah menyebabkan kehilangan dan kerugian barang-barang selalu berlaku dan berakhir dengan kehilangan hasil cukai untuk Kerajaan.

Oleh kerana gudang-gudang MAS itu tidak cukup besar untuk menyimpan barang-barang tersebut, saya difahamkan PAFA atau Persatuan Pengangkutan Udara Pulau Pinang telah menghantarkan satu cadangan kepada pihak Kerajaan bahawa mereka bersedia membina satu gudang atas perbelanjaan mereka sendiri untuk mengatasi masalah kekurangan kemudahan menyimpan barang-barang yang mana menyebabkan banyak kesusahan. Tetapi saya juga difahamkan bahawa cadangan PAFA tersebut masih belum mendapat sebarang jawapan dari pihak Kementerian. Saya menggesa pihak Kementerian supaya memikirkan cadangan PAFA tersebut supaya

kerugian barangan akibat ketidakcukupan yang disebutkan tadi tidak dapat diselamatkan.

Di samping Kerajaan dengan Slogan 'Pandang Ke Timur', dalam aspek ini boleh mendapat nasihat dari negeri Jepun untuk mengatasi masalah tersebut. Saya difahamkan di negeri Jepun syarikat-syarikat pengangkutan udara boleh mendirikan gudang-gudang mereka dengan perbelanjaan mereka sendiri. Langkah ini bukan sahaja dilakukan di Jepun tetapi juga di Singapura dan Hongkong.

Ingin saya menyeru pihak Kerajaan dengan secepat mungkin memikirkan untuk membina satu Kompleks Pengangkutan Udara di Lapangan Terbang Pulau Pinang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang moden untuk memastikan keadaan baik bagi perdagangan di Pulau Pinang. Kerajaan sepatutnya tidak lengah-lengah lagi mengambil langkah ini jika Kerajaan jujur untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat untuk perdagangan dan pembangunan di utara Semenanjung Malaysia. Selain dari syarat-syarat di atas, Lapangan Terbang Pulau Pinang juga menjadi tempat pengutipan cukai yang utama. Saya difahamkan di Bahagian Kargo di Lapangan Terbang Pulau Pinang mengutip sebanyak \$80,000 duti kastam dan cukai jualan sehari, yang mana ianya lebih kurang \$37.2 juta pendapatan cukai setahun. Satu Kompleks Pengangkutan Udara yang moden serta serba lengkap di Lapangan Terbang Pulau Pinang sangatlah mustahak bukan sahaja kerana pendapatan dari cukai tersebut tetapi yang lebih mustahak Kompleks yang serba lengkap akan memastikan tidak akan kerugian akibat kekurangan kemudahan-kemudahan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

4.00 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai muka surat 538, B. 56, Butir 1100 di bawah Program (3)—Kajicuaca Gunaan dan Kajicuaca Pertanian bersama dengan muka surat 544, B. 56 di bawah Butiran 2700, Bekalan dan Bahan-bahan yang juga di bawah Program Kajicuaca Gunaan.

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati di atas usaha-usaha di dalam bidang kajicuaca gunaan ini di mana terutamanya menyentuh kajicuaca berhubung dengan kegunaan pertanian. Pada tahun ini sekali lagi peruntukan dimohon untuk aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan tadi dan apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah sejauh manakah kegiatan-kegiatan di bidang kajicuaca gunaan terutama sekali di bidang kajicuaca pertanian ini telah dilaksanakan ataupun yang akan dirancangan bagi tahun 1983.

Kajicuaca untuk tujuan pertanian adalah satu yang amat penting terutama sekali di dalam zaman sains dan teknologi ini sekarang kerana ianya memerlukan satu perancangan yang teliti kepada usaha-usaha pertanian terutama sekali pertanian yang berkehendakkan kepada hujan ataupun air yang lebih banyak misalnya padi seperti yang terdapat di Kedah pada masa ini.

Mengikut yang saya dimaklumkan bahawa masa-masa yang lalu kajicuaca yang seumpama ini terutamanya untuk pertanian juga dijalankan tetapi didapati agak kurang memuaskan kerana tidak dapat menunjukkan satu keadaan jangka masa bagi masa depan ataupun jangka masa sesuatu keadaan sehingga datang keadaan kemarau barulah masing-masing menjadi cemas dan sebelum daripada itu masing-masing tidak dapat membuat telahan tentang apakah yang akan terjadi sekiranya keadaan kemarau itu

berlaku dan tidak juga dapat menentukan tentang kajian-kajian yang telah dibuat dalam hubungan yang saya sebutkan.

Keduanya, saya ingin juga menyentuh tentang hal ini ialah dengan adanya kajian-kajian yang dibuat khusus dapatlah dibuat persediaan-persediaan misalnya kalau sekiranya kaji cuaca gunaan untuk bidang pertanian ini dapat dibuat kajiannya terlebih dahulu tentang jangka-jangka untuk masa-masa depan sama ada kita akan menghadapi keadaan cuaca hujan ataupun kekurangan hujan, ataupun akan menghadapi kemarau atau sebagainya, maka sudah pastilah dapat dirancangan satu usaha mengatasinya, misalnya untuk mendapatkan kecukupan air bagi tanaman padi dapat diwujudkan usaha-usaha seperti yang pernah dibuat selama ini iaitu hujan tiruan (cloud seeding) tetapi dengan kerana tiadanya persediaan-persediaan maka usaha-usaha yang dibuat itu hanya merupakan usaha-usaha seponatan ataupun usaha-usaha setelah merasai cemas, tiada jalan lain lagi kerana tiada dapat dibuat kajian terlebih awal menentukannya.

Dalam bidang ini saya berharaplah dengan peruntukan tahun 1983 nanti kalau sekiranya tidak mencukupi boleh diminta lagi kepada Kerajaan kerana ini adalah satu perkara yang amat mustahak. Bagi petani-petani yang menanam padi hanya bergantung kepada kecukupan air. Kalau sekiranya tidak mempunyai air berertilah tanaman padi tidak akan dapat diadakan dan dengan itu semestinyalah kajian ini dibuat dengan lebih berhati-hati untuk menentukan satu perancangan dan bukan seperti mana yang saya katakan tadi di mana pada masa yang telah lepas-lepas secara seponatan sahaja apabila datang kemarau baru diadakan perancangan-perancangan untuk mengadakan cloud seeding atau hujan tiruan. Dengan itu

tidaklah membawa apa-apa kesan yang lebih banyak seperti mana yang dirancangan.

Apa yang kita dapati seperti di negeri Thailand misalnya usaha-usaha yang seumpama ini dibuat dengan lebih teliti dan dibuat dengan perancangan yang lebih mendatangkan faedah dan haruslah kita mempelajari apa yang telah membawa kejayaan di negara Thailand. Kalau bolehnya untuk jangka masa depan juga perancangan bagi mengadakan cloud seeding ataupun mengadakan hujan tiruan ini dirancangan dengan lebih awal iaitu semasa musim hujan untuk menentukan keperluan hujan itu benar-benar turun di tempat yang dikehendaki ataupun membolehkan air yang cukup di ampangan yang bertujuan untuk membekal air kepada sawah-sawah padi.

Satu lagi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Behormat Menteri Pengangkutan di dalam bidang kajicuaca gunaan ini terutama sekali kajicuaca pertanian yang mengenai perancangan 'cloud seeding' yang telah dibuat pada masa-masa yang lalu, kerana saya dapat ada cerita-cerita ataupun ada sebutan-sebutan yang telah diterbitkan mengatakan usaha-usaha mengadakan 'cloud seeding' bagi masa yang lepas masih lagi belum dibayar sehingga masa ini hampir-hampir \$2 juta. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah perkara yang dibangkitkan ini sebagai perkara benar, dan kalau benar, apakah masalahnya yang menimbulkan keadaan begini dan adakah kaitannya dengan Kementerian-kementerian yang lain misalnya Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan sebagainya dan kalau inilah yang dibangkitkan, saya berharap ianya diambil perhatian yang segera supaya untuk masa-masa yang akan datang semua perancangan yang kita buat

tidak menakut-nakutkan pihak yang akan membuat borongan menjalankan kerja-kerja yang seumpama ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu yang saya akan sentuh ialah di bawah B. 57, muka surat 551, Butiran 1100 di bawah Program (6) iaitu Penguatkuasaan di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan.

Pada petang semalam banyak Ahli-ahli Dewan ini telah membangkitkan tentang kemalangan-kemalangan jalan raya dan banyak juga cadangan-cadangan telah dibuat supaya lebih banyak Penguatkuasaan diambil perhatian untuk mengatasi masalah-masalah yang ada. Seperti yang kita sedia maklum pada kebelakangan ini kemalangan jalan raya adalah sering kali meningkat dan ini kadang kala berkaitan juga dengan bidang penguatkuasaan kerana kerap kalinya yang berlaku kemalangan yang seumpama ini disebabkan oleh kerana kecuaiannya ataupun memandu dengan tidak cermat ataupun beberapa masalah kedudukan yang terdapat di jalan raya. Cuma saya rasa satu sahaja yang dapat sekurang-kurangnya menyelesaikan sedikit masalah yang sedang meningkat ini ialah dengan meningkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan, sama ada mengadakan Pasukan Peronda yang khusus di tempat-tempat yang kerap berlaku kemalangan ataupun di waktu-waktu yang tertentu misalnya di musim cuti sekolah sekarang ini, banyak kenderaan-kenderaan dan berbagai keadaan yang berlaku kalau sekiranya diadakan unit-unit penguatkuasaan yang lebih rapi yang bertanggungjawab menjalankan kegiatan-kegiatan bagi mengawal keadaan-keadaan semasa kemungkinan ini salah satu daripada cara dapat mengurangkan sedikit masalah-masalah yang sedang dihadapi.

Yang kedua, saya rasa pihak Penguatkuasa juga perlu membuat peraturan kalau boleh supaya kenderaan-kenderaan sama ada

kenderaan-kenderaan yang sengaja memberhentikan kenderaannya ataupun kenderaan-kenderaan yang rosak tidak meletakkan kenderaan-kenderaannya di atas jalan raya dan kalau boleh dibawakanlah kenderaan ini di luar daripada jalan raya ataupun di tepi jalan itu sendiri.

Mengikuti pengalaman saya dalam sepanjang jalan raya dari Kuala Lumpur ke Alor Setar yang saya kerap berulang alik ke sana, saya dapati kebanyakan kemalangan-kemalangan yang mencemaskan ialah apabila terdapatnya lori-lori ataupun kenderaan-kenderaan yang berjalan waktu malam ataupun waktu siang semasa lori-lori ini rosak dan sebagainya meletakkan kenderaannya di atas jalan raya, dan tidak meletakkannya di kaki lima jalan raya dan ini menyebabkan jalan itu menjadi satu keadaan yang sempit dan kadangkala sudah mencemaskan perjalanan-perjalanan terutama sekali apabila kenderaan yang banyak dan terdapat juga pemandu-pemandu yang kurang cermat telah mengakibatkan kemalangan-kemalangan yang amat dahsyat sekali sepertimana yang baru-baru ini berlaku di jalan raya Ipoh/Tanjong Malim di mana kenderaan yang rosak itu diletakkan sepenuhnya di atas jalan. Kemungkinan saya rasa bukanlah kerana lori itu rosak dengan tiba-tiba kerana lori dalam perjalanan kalau menghadapi kerosakan dia boleh masuk di tepi jalan atau di kaki lima jalan itu barulah dia berhentikan kenderaannya di situ, bukan terus rosak dengan tiba-tiba di tengah-tengah jalan dan inilah yang seharusnya mendapat perhatian pihak Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan ini supaya dapat membuat peraturan ataupun mengadakan pasukan-pasukan peronda untuk mengatasi masalah daripada apa yang saya sebutkan tadi.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon di bawah Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.12 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, di sepanjang perbincangan mengenai anggaran belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan di peringkat Jawatankuasa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan, teguran dan pendapat mereka terhadap Kementerian saya. Kepada ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Labis, Pasir Puteh, Sibul, Bukit Mas, Lumut, Bagan Datoh, Kota Melaka, Arau, Kepong, Baling, Bukit Bendera dan Jerai, suka saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Perhatian yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian saya, jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya sangatlah menggalakkan dan akan mendorong kami untuk meneruskan tugas-tugas dengan dedikasi dan bertanggungjawab selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Di sini saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang meliputi aspek-aspek pengangkutan darat, udara dan laut bagi Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Lumut, Bagan Datoh, Kota Melaka dan Arau masing-masing telah menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) dan mengemukakan cadangan-cadangan agar langkah-langkah tertentu diambil untuk mengurangkan berlakunya kemalangan jalan raya di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyarankan agar kempen-kempen keselamatan jalan raya yang diadakan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya adalah tidak sampai kepada semua pengguna jalan raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kempen-kempen yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya itu bukan terhad kepada murid-murid sekolah sahaja tetapi ianya meliputi semua golongan pengguna jalan raya terutama pemandu-pemandu.

Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia sentiasa mengadakan ceramah dan tayangan-tayangan gambar, dalam kursus-kursus pemandu yang diadakan dari masa ke semasa oleh majikan-majikan mereka. Majlis juga menganjurkan Skim Hadiah Cermat Memandu yang terbuka kepada majikan-majikan yang mempunyai pemandu. Tiap-tiap Sijil Cermat Memandu yang dikeluarkan oleh Kementerian saya adalah dihadiahkan kepada pemandu-pemandu yang mempunyai rekod yang bersih dari kemalangan. Tujuan skim ini diadakan adalah untuk menggalakkan pemandu-pemandu supaya sentiasa bersopan santun dan bertimbang rasa ketika di jalan raya. Di samping itu Majlis Keselamatan Jalan Raya juga giat melancarkan kempen berperingkat kepada semua kategori pengguna jalan raya. Dengan terlancarnya siri kempen berperingkat ini adalah diharapkan bahawa kadar-kadar kemalangan dapat dikurangkan dengan lebih berkesan lagi. Tujuan kami ini adalah:

- (i) memberi nasihat kepada pemandu-pemandu kenderaan tentang sikap positif yang mesti ada pada mereka seperti bertertib, berdisiplin dan bertimbang rasa dan juga memandu dengan penuh rasa tanggungjawab;

- (ii) memastikan kenderaan yang digunakan berada dalam keadaan yang sempurna dan selamat untuk digunakan; dan
- (iii) mengedarkan risalah-risalah keselamatan jalan raya dan juga pelekat-pelekat kenderaan sebagai peringatan kepada pemandu-pemandu.

Selain daripada itu, Majlis Keselamatan Jalan Raya juga telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari Kementerian Penerangan untuk memberi publisiti seluas-luasnya. Usaha ini termasuklah:

- (i) menyiarkan berita-berita mengenai angka-angka kemalangan dan menayangkan filem-filem keselamatan jalan raya di TV dengan lebih kerap lagi; dan
- (ii) memberi peringatan kepada pengguna-pengguna jalan raya melalui Radio Malaysia Rangkaian Nasional terutamanya melalui Radio Malaysia Ibu Kota.

Sebuah filem baru keselamatan jalan raya yang bertajuk "Sikap Buruk di Jalan Raya Punca Trajedi" yang diterbitkan oleh Filem Negara telah siap dan akan ditayangkan melalui TV tidak berapa lama lagi.

Selain daripada itu tiga buah filem keselamatan jalan raya yang akan dikeluarkan pihak swasta akan siap pada awal tahun 1983. Majlis Keselamatan Jalan Raya juga mempunyai rancangan untuk menubuhkan Pusat Keselamatan Jalan Raya (Road Safety Centre) di mana orang ramai akan didedahkan tentang masalah-masalah keselamatan jalan raya melalui ceramah-ceramah, tayangan-tayangan filem, pameran-pameran dan juga di mana mereka boleh mendapat nasihat dan bahan-bahan mengenai keselamatan jalan raya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menyatakan kebimbangannya mengenai kemalangan jalan raya dan kematian yang tinggi nisbahnya di negeri ini jika dibandingkan dengan negara-negara asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kadar kemalangan, kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya di negara kita telah berkurangan dari setahun ke setahun jika dibandingkan dengan kadar pertambahan kenderaan di jalan raya. Perangkaan-perangkaan dalam tahun 1981 menunjukkan bahawa kadar kematian bagi tiap-tiap 10,000 kenderaan yang berdaftar adalah sebanyak 9.5 % dibandingkan dengan kadar sebanyak 16.8% enam tahun yang lalu, iaitu tahun 1975.

Dibandingkan dengan negara-negara membangun, kadar kematian adalah agak tinggi tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara yang sedang membangun, negara kita mempunyai kadar kematian yang rendah. Ini dapat dilihat dari perbandingan kadar kemalangan luar negeri di mana Malaysia mempunyai kadar kematian sebanyak 13.7%, United Kingdom 3.7%, Switzerland 5%, Pakistan 48.4%, Indonesia 26.8% dan Singapura 9% bagi tahun 1978.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga ada menyentuh mengenai kempen yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya iaitu mengenai tema (slogan) dalam mana beliau beberapa kali telah menyebut perkataan 'machismo'. Mengikut Collins Concise English Dictionary, perkataan 'machismo' bermakna 'masculine, strong or aggressive masculinity'. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, tiap-tiap tahun kempen Majlis Keselamatan Jalan Raya diadakan adalah disertai dengan tema dan cogan kata. Cogan kata ini dicetak dan diletakkan sebagai

pelekat-pelekat kereta (stickers) dan diedarkan kepada orang ramai sebagai peringatan. Tema kempen tahun 1981 adalah "Bersabar dan Bertimbangrasa Menjamin Keselamatan Jalan Raya" dan tema kempen tahun ini adalah "Sikap Buruk di Jalan Raya Punca Tragedi". Walau bagaimanapun, Kementerian saya menghargai dan mengambil perhatian berat terhadap pendapat Ahli Yang Berhormat supaya cogan kata Kempen Keselamatan Jalan Raya di masa-masa akan datang dapat dimachismokan' lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pula telah menegur perandai pemandu-pemandu bas mini di Wilayah Persekutuan yang memandu sangat laju dan tidak mempunyai sikap yang baik kepada pengguna-pengguna atau pun penumpang-penumpang. Beliau mengesyorkan supaya tindakan penguatkuasaan terhadap bas mini diambil dengan lebih tegas lagi supaya tidak membahayakan orang awam. Selain daripada tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap kesalahan-kesalahan oleh pemandu-pemandu bas mini, Kementerian saya telah baru-baru ini mewartakan pindaan bagi Kaedah 123, Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan), 1959 supaya mewajibkan semua bas-bas mini mempamerkan papan tanda destinasi. Syarat ini telah mula berkuatkuasa pada 25hb November, 1982. Dengan ini, adalah diharapkan pihak penguatkuasaan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi dan juga akan memudahkan pihak pengguna-pengguna bas mini melihat nama-nama tempat destinasi yang dilalui oleh bas-bas tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini sebanyak 15 permit Bas Mini telah ditarik balik kerana telah melakukan berbagai kesalahan lalulintas.

Berhubung dengan cadangan supaya mengadakan sekolah latihan memandu yang dikendalikan oleh Kerajaan bagi menghasilkan pemandu-pemandu yang benar-benar layak mendapat lesen, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa adalah menjadi dasar Kementerian supaya mewujudkan pemandu-pemandu kenderaan bermotor yang berdisiplin, bertanggungjawab dan bersopan santun. Jabatan Pengangkutan Jalan adalah ditugaskan mengajar bakal-bakal jurulatih sekolah memandu tentang ethika memandu, asas menyelenggarakan kenderaan cara mengajar dan sebagainya. Sijil pengajar diberi selepas kursus seminggu ini. Adalah tanggungjawab sekolah memandu memberi ajaran yang sama kepada murid-murid mereka. Banyak sekolah memandu yang mengajar dengan jujur dan penuh dedikasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh, calon-calon daripada sekolah memandu hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 22 jam latihan memandu sebelum dibenarkan mengambil ujian kenderaan. Ujian yang diuruskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan adalah benar-benar menguji pengetahuan dan kemahiran calon dan purata kandas adalah melebihi 35%. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu, setakat ini Jabatan Pengangkutan Jalan ada mengelolakan 5 kursus kepada sekolah-sekolah memandu yang melibatkan 300 orang peserta dan kursus ini akan diadakan lagi dari masa ke semasa.

Kementerian saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang menyatakan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak memandu untuk masa yang lama boleh hilang kemahiran mereka membawa kenderaan bermotor. Di sini suka saya memaklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian bahawa seseorang

yang tidak membaharui lesen memandunya untuk tempoh 5 tahun, beliau adalah dikehendaki mengambil ujian semula.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lumut ada membangkitkan mengenai lampu belakang kenderaan berat sukar kelihatan pada waktu gelap. Lampu 'beacon', yang digunakan oleh 'Low Loader' adalah tidak mencukupi. Beliau mengesyorkan supaya kenderaan berat dipasang lampu kecil yang lebih, iaitu mengikut BDMnya di kepala kiri dan kanan kenderaan. Syor Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji bersama dengan kajian yang sedang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan itu tentang cadangan mengadakan 'Speed Warning Device' untuk kenderaan berat di mana lampu 'beacon' di atas kepala kenderaan tersebut akan menyala sekiranya kenderaan itu dipandu lebih daripada had lajunya.

Begitu juga berkenaan dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Jerai sebentar tadi bahawa sebilangan besar daripada kemalangan-kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh lori-lori yang diletak di tepi jalan dan pada kebiasaannya tidak mempunyai lampu dan sebagainya. Saya telah menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali bahawa adalah menyalahi undang-undang sekiranya ada kenderaan-kenderaan yang diletak di waktu malam tanpa lampu dan juga tanpa isyarat-isyarat tertentu yang boleh bukan sahaja boleh mengakibatkan kemalangan, tetapi juga boleh diambil tindakan undang-undang terhadap pemandu dan pemilik yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh pula ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan undang-undang yang lebih tegas dan setimpal kepada pesalah-pesalah dalam kemalangan

jalan raya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian saya akan memperkenalkan sistem 'KEJARA' tidak beberapa lama lagi dan dengan sistem ini pemandu-pemandu yang melanggar undang-undang lalulintas akan diberi markah tertentu mengikut jenis kesalahan. Apabila pemandu mengumpul jumlah 20 mata dalam satu tempoh masa tertentu, lesen memandunya akan digantung.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mendakwa bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan tidak cekap dalam memberi perkhimatan kepada orang ramai. Di sini suka saya menegaskan bahawa JPJ telah dan sedang mengambil tindakan tertentu ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai. Pihak JPJ telah mengambil, di antara lain, langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Lesen dan cukai jalan untuk kereta persendirian boleh diperbaharui di mana-mana Pejabat Pengangkutan Jalan di Semenanjung Malaysia;
- (ii) Lesen belajar memandu bagi Kelas B3, iaitu untuk 90 Kuasa Kuda ke bawah, dikeluarkan di mana-mana Pejabat Pengangkutan Jalan; dan
- (iii) Memperkenalkan pelesenan atau cukai jalan yang luput dan boleh diperbaharui 'On Any Of The Month'—iaitu bertujuan mengatasi masalah kesesakan pejabat oleh orang awam pada pertengahan dan penghujung bulan.

Saya yakin bahawa dengan tindakan yang telah dan diambil itu mutu perkhidmatan di semua pejabat JPJ akan dapat dipertingkatkan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga, kerja-kerja penyelidikan tanah telah selesai untuk pembinaan sebuah bangunan baru JPJ di Melaka. Dengan

bangunan baru serta kemudahan komputer 'On Line' pemberian perkhidmatan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan akan di peringkat lagi. Sebuah Pejabat Cawangan JPJ juga telah dibuka di Jasin untuk mengurangkan kesesakan di Pejabat JPJ Melaka.

Saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendapat gambaran yang sebenarnya mengenai perkara ini dan tidak lagi cuba membuat kenyataan yang bertujuan mengelirukan rakyat demi kepentingan politik partinya sendiri.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan bahawa pemohon yang memohon lesen G.D.L. dengan izin, Goods Driving Licence, terpaksa mengambil ujian sebelum melayakkan diri untuk mendapatkannya. Suka saya menjelaskan bahawa permohonan untuk G.D.L. diuruskan di bawah Perkara 5, Peraturan Kenderaan Barang-barang (Pelesenan Pemandu) 1965. Di bawah peraturan-peraturan itu, semua pemohon-pemohon hendaklah hadir sendiri serta membuktikan bahawa beliau adalah berumur melebihi 21 tahun, mempunyai sijil doktor yang mengesahkan bahawa sipemohon tidak mempunyai penyakit atau kecacatan fizikal yang boleh mengganggu prestasinya sebagai pemandu kenderaan berat, menunjukkan kemahiran untuk pemandu kenderaan barang-barang dan mempunyai lesen untuk memandu kelas kenderaan yang dimohonkan. Sekiranya didapati bahawa pengetahuan dan kemahiran memandu pemohon dicurigai, misalnya, pemohon tidak memandu kenderaan berat untuk satu tempoh masa, ujian praktikal boleh dijalankan. Perkara ini adalah amalan biasa dan patut diuji untuk keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Pemohon-pemohon juga diajar tentang etika memandu kenderaan berat seperti memberi laluan kepada kenderaan tertentu, memberi isyarat tangan atau lampu kepada kenderaan-kenderaan lain untuk membolehkan kenderaan belakang memotong dengan selamat, syarat permit, alat-alat kecemasan dan sebagainya. Ini selalu disalah anggapkan sebagai ujian tetapi ini adalah temuduga serta perbincangan. Untuk menghapuskan tanggapan ini serta meningkatkan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang saya sebutkan tadi hendaklah hadir di satu ceramah atau perbincangan. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendapat gambaran yang sebenarnya mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah 54 buah projek-projek pembangunan telah diluluskan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan. Projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) 19 buah projek-projek pembelian, penyediaan tapak dan pembinaan Pejabat Pengangkutan Jalan (PPJ) dan Pejabat Pengangkutan Jalan Cawangan;
- (ii) 21 buah projek-projek penubuhan pejabat kecil Pejabat Pengangkutan Jalan;
- (iii) 9 buah projek-projek pengubahsuaian iaitu pembinaan bangunan tambahan Pejabat Pengangkutan Jalan atau pindaan dan perluasan bangunan Pejabat Pengangkutan Jalan dan
- (iv) 5 buah projek-projek pembelian alat kelengkapan dan komputer.

Memandangkan keadaan ekonomi negara kemaskini pihak Jabatan Pengangkutan Jalan hanya melaksanakan 23 buah projek-projek utama sahaja, sechingga menjangka kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat. Projek-projek utama tersebut adalah:

- (i) 14 buah projek daripada kategori (i) di atas.
- (ii) 4 buah projek utama daripada kategori (iii) di atas (pembinaan bangunan tambahan Pejabat Pengangkutan Jalan Kedah di Alor Setar dan pindaan serta Cawangan Petaling Jaya dan Pejabat Pengangkutan Jalan Kuantan, Pahang), dan
- (iii) Keseluruhan 5 buah projek-projek daripada kategori (iv) di atas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 1981 dan tahun 1982 Jabatan Pengangkutan Jalan telah berjaya menubuhkan sebanyak 13 buah pejabat-pejabat kecil sementara di seluruh negara, sebuah pejabat kecil tetap di Pontian, 2 buah lagi pejabat Cawangan sementara iaitu di Shah Alam dan Taiping yang mana bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di kaunter-kaunter Pejabat Pengangkutan Jalan yang sedia ada.

Satu langkah yang baru diambil oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mempercepatkan proses penubuhan Pejabat Pengangkutan Jalan Cawangan ialah dengan menggunakan kontena sebagai pejabat. Sebutharga telah dipanggil daripada 6 buah Syarikat bagi membekalkan sebuah unit kontena yang lengkap sebagai Pejabat Cawangan di Butterworth serta kos mengubahsuaikan sebuah kontena (installation only) bagi maksud yang sama. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan bercadang menjadikan sebuah kontena Pejabat Cawangan dengan mempunyai 2 kaunter, dan

dipasangkan dengan alat hawa dingin serta 'insulation' yang mencukupi. Sebuah kontena dijangka boleh memuatkan 30 orang pekerja. Pihak JKR dan Pejabat-pejabat Kerajaan yang lain akan diminta membekalkan elektrik dan sistem perparitan. Projek ini akan dilaksanakan secara percubaan dan adalah dijangkakan bahawa penubuhan Pejabat-pejabat Cawangan di Butterworth dengan menggunakan kontena akan dilaksanakan pada akhir bulan Januari tahun hadapan. Sekiranya projek ini berjaya, ianya akan diperluaskan ke seluruh Semenanjung Malaysia, terutamanya di negeri-negeri yang mana Jabatan Pengangkutan Jalan telah membeli tapak tanah tetapi tergendala pembinaan pejabatnya disebabkan oleh keadaan ekonomi negara yang meleset.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah juga menimbulkan masalah kordinasi di antara Jabatan-jabatan yang ada hubungannya dengan jalan raya. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa masalah kordinasi ini sentiasa diambil perhatian yang berat sama ada oleh agensi-agensi pelaksana ataupun oleh agensi-agensi pusat yang bertanggungjawab menyelaraskan pembangunan di tiap-tiap satu tempat ataupun satu kawasan yang berkenaan. Oleh itu, perkara ini adalah diambil perhatian oleh Kementerian saya dan akan dipanjangkan kepada Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu projek ataupun memperbaiki sesuatu jalan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Arau dan Kota Melaka dalam ucapan mereka telah menyentuh mengenai perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mencadangkan supaya Keretapi

Tanah Melayu mengadakan koc-koc stand-by di stesyen-stesyen tertentu untuk mengelakkan kesesakan penumpang, terutamanya pada musim cuti.

Suka saya menyatakan bahawa dalam musim cuti ataupun perayaan-perayaan, memang sudah ada koc-koc yang stand-by di stesyen-stesyen besar yang ada dalam negara kita ini. Namun demikian, mungkin perkhidmatan itu masih tidak mencukupi. Oleh hal yang demikian, pihak Keretapi Tanah Melayu sedang berusaha untuk mengatasi masalah tersebut dan telahpun memesan sebanyak 50 buah koc baru dan 15 buah enjin lokomotif untuk keperluan penumpang-penumpang. Koc dan injin ini dijangka akan diterima pada pertengahan tahun hadapan. Dan saya berharap bahawa apabila koc-koc ini sampai nanti tidaklah perlu Ahli Yang Berhormat duduk di atas lantai Keretapi Tanah Melayu lagi.

Mengenai perkhidmatan kantin yang kurang memuaskan dan menjual makanan dengan harga yang mahal, Kementerian saya dan KTM sedar tentang kelemahan ini dan sedang berusaha untuk mendapatkan khidmat pakar 'catering' bagi mengadakan khidmat 'catering' yang moden berdasarkan konsep 'Fast Food'. Pihak KTM juga sedang berusaha untuk mencari pihak yang dapat mengadakan usaha sama dengan KTM untuk mengendalikan perkhidmatan ini.

Dalam usaha menyusun semula kedudukan kewangan KTM, cadangan-cadangan tertentu mengenai penyusunan semula hutang dan pinjaman akan dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu. Pihak KTM juga telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan perbelanjaan dalam tahun 1982 dan 1983 di samping menambahkan pendapatan dengan adanya koc-koc, gerabak-gerabak dan injin-injin baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Arau telah membangkitkan mengenai merosotnya mutu perkhidmatan yang diberikan oleh KTM. Sukalah saya memaklumkan bahawa disebabkan oleh kekurangan pelaburan di masa lalu iaitu pelaburan yang paling besar pada akhir tahun 1920an dan awal tahun 1930an, alat-alat kelengkapan seperti koc dan gerabak serta alat-alat signal komunikasi dan landasan adalah sangat tua dan selalu rosak dan tidak dapat digunakan dengan ekonomik. Akibat dari keadaan inilah KTM telah mengalami kerugian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Ada lebih kurang 15 minit lagi Tuan Pengerusi. Ini disebabkan banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Menyedari hakikat inilah KTM telah mencadangkan beberapa projek untuk meninggikan kecekapan dan mutu perkhidmatannya. Selain dari rancangan untuk membeli koc dan gerabak serta menggantikan rel dan alat-alat perhubungan, pihak Kerajaan Malaysia telah meminta Kerajaan Jepun untuk membuat Kajian Pembangunan KTM secara menyeluruh bagi mengadakan sistem Landasan Berkembar (letrik tolok standard) dan laporan awal kajian ini dijangka akan dikemukakan pada bulan Mac, 1983.

Kajian ini antara lain akan mengkaji kemungkinan mewujudkan sistem serba moden yang dijangka akan dapat mengurangkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Butterworth atau Johor Bahru kepada 2½ atau 3 jam berbanding dengan lebih kurang 6 jam sekarang.

Berhubung dengan cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya KTM mengadakan 'bullet train', adalah dimaklumkan bahawa KTM tidak bercadang hendak mengadakan 'bullet train' kerana tidak terdapat 'economies of scale' bagi perkhidmatan seumpama ini pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah juga menyatakan bahawa saya selalu pergi ke negeri Jepun. Tetapi suka saya membetulkan kenyataan beliau itu bahawa semenjak saya menjadi Timbalan Menteri sama ada di Kementerian ini dan di Kementerian Pertahanan, saya tidak pernah pergi ke Jepun dan saya harap bahawa beliau itu akan membetulkan rekod yang tak boleh dimaafkan itu.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labis, Bagan Datok, Bukit Mas dan Kota Melaka dan juga sebentar tadi dari Bukit Bendera dan dari Kepong dalam ucapan mereka telah menyentuh mengenai Perkhidmatan Pengangkutan Udara di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Labis ada menyentuh bahawa MAS menghadapi masalah untuk mendapatkan hak mendarat dari pihak Korea Selatan dan mendakwa bahawa kontrek-kontrek yang besar telah diberikan kepada Korea Selatan sebelum penyelesaian dicapai terhadap hak mendarat bagi MAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, rundingan-rundingan udara yang telah diadakan di antara Malaysia dengan Korea Selatan adalah bertujuan untuk memperbaiki kedudukan hak-hak trafik bagi Sistem Penerbangan Malaysia dan juga untuk memberi hak trafik yang seimbang kepada Syarikat Penerbangan Korea. Setakat ini rundingan udara dengan Korea Selatan masih belum mendapat persetujuan muktamad.

Memandangkan bahawa perhubungan dua hala di antara Malaysia dengan Korea Selatan adalah luas, bukan sahaja dalam konteks penerbangan awam tetapi juga dalam bidang lain seperti ekonomi dan sosial, Kementerian saya bersetuju pertimbangan ke atas aspek-aspek hubungan dua hala secara menyeluruh tidaklah wajar diketepikan oleh mana-mana pihak. Oleh hal yang demikian, dalam rundingan-rundingan udara dengan pihak Korea Selatan, pihak Malaysia telah juga berusaha untuk mendapatkan persetujuan ke atas pertukaran hak trafik yang seimbang dan 'feasible' bukan sahaja berasaskan kepada konteks penerbangan awam tetapi juga mengambil kira wujudnya hubungan yang rapat di antara kedua buah negara pada keseluruhannya. Hakikat ini merupakan satu faktor yang penting dalam rundingan udara dengan Korea Selatan dan juga dengan negara-negara yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Labis itu juga ada menyatakan bahawa rundingan udara untuk mendapatkan hak mendarat sering mengalami kegagalan disebabkan oleh pihak yang berunding (negotiators) kita kurang pengalaman. Mengenai pengalaman 'negotiators' ini, perlu saya jelaskan bahawa semua perbincangan perkhidmatan udara yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian saya dan juga pihak-pihak lain mempunyai pengalaman yang mendalam dalam perkara pengangkutan udara. Sekiranya sesuatu perbincangan tidak dapat mencapai objektif dengan sepenuhnya, ia adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang lain, bukanlah kelemahan-kelemahan 'negotiators'. Perlu juga saya memaklumkan bahawa hak trafik adalah merupakan satu perkara 'commercial'. Selain daripada itu, kedudukan trafik udara bagi sektor-sektor antarabangsa telah merosot dan beberapa negara buat masa ini sedang menjalankan dasar perlindungan

(protectionism) terhadap syarikat-syarikatnya. Tujuan dasar ini adalah untuk melindungi syarikat masing-masing dari persaingan hebat dengan syarikat-syarikat penerbangan lain seperti MAS. Oleh hal yang demikian, adalah sukar untuk mendapat hal trafik dari negara-negara asing dalam sesuatu perbincangan segi perkhidmatan udara.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok ada menyatakan bahawa pesawat B747 yang membawa bakal-bakal Haji ke Jeddah yang hanya mempunyai kapasiti muatan 300 penumpang telah dimuatkan dengan 500 penumpang. Ini telah mengakibatkan keadaan yang kurang selesa bagi penumpang. Dalam hal ini, saya ingin menjelaskan bahawa pada kebiasaannya konfigurasi tempat duduk bagi pesawat B747 ialah sebanyak 300-350 sekiranya pesawat ini dibahagikan kepada kelas satu kelas business dan kelas ekonomi yang mempunyai jarak jauh tempat duduk berlainan di antara satu kelas dengan kelas yang lain. Bagi perkhidmatan haji, pesawat B747 yang digunakan hanya mempunyai satu kelas sahaja iaitu kelas ekonomi. Namun demikian, pesawat B747 ini telahpun dilengkapi dengan 505 tempat duduk; jarak jauh di antara tempat duduk adalah sama dengan kelas ekonomi biasa yang lain iaitu sekurang-kurangnya 30"-32" dengan tujuan menjamin keselesaan penumpang-penumpang. Kadangkala kesesakan di atas kapal terbang berlaku disebabkan oleh penumpang-penumpang yang membawa terlalu banyak barang-barang bersama mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta supaya perkhidmatan udara dari Melaka ke Johor dan Singapura dipulihkan. Suka saya menegaskan bahawa Kementerian Pengangkutan dan MAS dari masa ke semasa sentiasa mengkaji aliran trafik udara di semua sektor

dalam negeri termasuk Melaka. Dalam perkara ini ingin saya memaklumkan bahawa pembatalan perkhidmatan di antara Melaka-Johor pada pertengahan tahun ini adalah disebabkan oleh kedudukan trafik yang tidak memuaskan. Adalah didapati bahawa jumlah trafik bagi setiap penerbangan di antara Melaka—Johor adalah secara purata 1-2 orang sahaja. Mengenai perkhidmatan di antara Kuala Lumpur-Melaka pula, perkhidmatan masih diteruskan sebagai perkhidmatan awam walaupun 'load factor' bagi sektor ini amat tidak memuaskan iaitu secara purata 10% bagi setiap penerbangan. Mengenai cadangan untuk mengadakan perkhidmatan di antara Melaka-Singapura, perlu saya menjelaskan bahawa perkara ini adalah tertakluk kepada Perjanjian Udara Malaysia dengan Singapura kerana ia merupakan sektor antarabangsa. Pada masa ini Perjanjian tersebut tidak membenarkan perkhidmatan dijalankan di sektor ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya dan MAS berasaskan kepada keperluan trafik akan mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki mutu perkhidmatan udara ke dari Melaka untuk tujuan kepentingan awam dan juga menggalakkan pelancong-pelancong ke Melaka. Begitu juga MAS akan memperbaiki sistemnya daripada satu masa ke satu masa seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi yang mengatakan bahawa MAS—Mana Ada Sistem. Sebenarnya, suka saya menjelas dan menegaskan bahawa pihak MAS sebagai "national carrier" adalah satu badan yang bertanggungjawab, yang sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap kemudahan penumpang-penumpang. Begitu juga berdasarkan bahawa ia adalah satu badan commercial yang mana dari segi perniagaannya adalah penting untuk memberi kemudahan yang cukup kepada penumpang-penumpang; jika

tidak, tidak dapat sambutan daripada orang ramai. Ini adalah wajar dijalankan oleh sesebuah syarikat "commercial" dan juga "national carrier".

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah mencadangkan supaya Kementerian mengkaji semula kenaikan kadar tambang kapal terbang bagi sektor-sektor luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak demi untuk kepentingan penduduk-penduduk luar bandar. Suka saya menjelaskan bahawa kepentingan sosial adalah merupakan faktor utama yang diambil kira sebelum sesuatu kenaikan kadar tambang dinaikkan. Ini adalah kerana pengangkutan udara merupakan corak pengangkutan yang terpenting bagi sektor-sektor luar bandar di mana bentuk pengangkutan lain adalah berkurangan dan tidak memuaskan.

Perlu saya menjelaskan bahawa kenaikan tambang bagi sektor luar bandar yang dikenakan baru-baru ini adalah merupakan kenaikan pertama sejak tahun 1972, manakala sektor-sektor domestik yang lain telah mengalami beberapa kenaikan kadar tambang. Kenaikan kadar tambang ini adalah amat rendah sekali iaitu di antara \$1.00-\$10.00 bagi sektor-sektor yang berkenaan. Kenaikan ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kos operasi dan kos minyak telah berlipat ganda.

Perlu saya jelaskan juga bahawa adalah tidak benar bahawa Kerajaan melaksanakan satu dasar yang tidak adil dengan mengadakan kenaikan tambang yang berbeza bagi beberapa sektor. Ingin saya memaklumkan bahawa kadar kenaikan tambang bagi sesuatu sektor adalah berlainan dengan sektor-sektor yang lain. Sekiranya terdapat kadar tambang semasa bagi sesuatu sektor dapat menampung kos operasi sektor itu, maka kenaikan tidaklah dikenakan.

MAS dari masa ke semasa sedang mengkaji keperluan lalulintas bagi sektor-sektor luar bandar dan tindakan yang wajar akan diambil bagi tujuan meningkatkan perkhidmatan yang sedia ada di kawasan luar bandar yang berkenaan untuk menampung keperluan itu. Pada bulan April 1982, MAS telah menggantikan perkhidmatan pesawat BN 2 di beberapa sektor dengan pesawat Twin Otter yang merupakan pesawat yang lebih besar dan selesa lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Labis supaya Lapangan Terbang Senai dijadikan sebuah pusat pengendalian Kargo, suka saya maklumkan bahawa cadangan tersebut adalah sememangnya menjadi tujuan dan rancangan Kerajaan. Berhubung dengan ini, kemudahan-kemudahan telah pun disediakan di Lapangan Terbang Senai untuk membolehkan Kerajaan meneruskan tindakan dan usahanya menjadikan Senai bukan sahaja sebagai pusat kargo bagi negara ini tetapi juga sebagai pusat pengendalian kargo udara untuk keperluan serantau (regional cargo centre).

Ahli Yang Berhormat dari Labis juga ingin mengetahui mengenai kawalan ruang udara di Selatan Semenanjung Malaysia. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa kawalan ruang udara di Selatan Semenanjung Malaysia telah diserahkan secara sementara kepada pihak berkuasa Singapura. Bagaimanapun pada masa ini peraturan ini sedang dikaji semula supaya Malaysia mengambil alih tugas-tugas mengawal udara tersebut.

Jabatan Penerbangan Awam pada masa ini mempunyai kakitangan terlatih yang mencukupi untuk mengendalikan kawalan ruang udara kita. Sebuah Kolej Penerbangan Awam telah pun ditubuhkan untuk memberi latihan yang mencukupi kepada setiap kakitangan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah meminta supaya landasan terbang luar bandar di Sarawak diperbaiki lagi. Ingin saya menyatakan bahawa Kementerian saya sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki landasan terbang—landasan terbang luar bandar di Malaysia Timur ataupun di Sabah dan Sarawak untuk membolehkan perkhidmatan udara luar bandar berjalan dengan lancar. Peruntukan yang mencukupi telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi tujuan tersebut.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara seperti pembinaan Pelabuhan di Kelantan, di Kuantan, di Johor, jeti di Melaka dan juga cadangan mewujudkan satu Marine College di Sabah dan Sarawak telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Bandar Sibul, Kepong dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan soal pembinaan sebuah lagi pelabuhan di Kemasin, Kelantan dan beliau berpendapat bahawa pembinaan pelabuhan ini tidak perlu oleh kerana telah ada pelabuhan yang dibina di Kuantan dan juga di Tanjung Berhala, Terengganu. Ingin saya menjelaskan bahawa soal, sama ada projek Pelabuhan Kelantan bertindih aktivitinya dengan Pelabuhan di Kuantan ataupun pelabuhan di Tanjung Berhala, tidak berbangkit oleh kerana tiap-tiap pelabuhan ini akan mempunyai aktiviti yang tertentu. Pelabuhan Kuantan akan mengendalikan kargo-kargo seperti pelabuhan yang lain iaitu kargo am dan kargo konvensional. Suka saya menyatakan bahawa pembaikan bagi pelabuhan ini akan dapat disiapkan pada penghujung tahun 1983 dan ianya akan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 1984. Ini adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Pelabuhan di Tanjung Berhala adalah dibina khusus bagi aktiviti mencari gali minyak di Laut China Selatan dan juga bagi industri-industri berat yang akan dibina di Tanjung Berhala. Pembinaan Pelabuhan Kelantan adalah dirancang bagi mengendalikan "clinker" untuk kilang simen yang akan didirikan berhampiran dengan pelabuhan itu. Pelabuhan ini akan juga mengendalikan "pulp and paper" sekiranya projek ini diadakan di negeri tersebut. Hasrat Kerajaan bagi membina sebuah Pelabuhan di Kelantan adalah selaras dengan dasarnya bagi mengadakan pembangunan di negeri-negeri yang kurang maju di mana projek-projek ini akan menjadi penggerak ekonomi kepada negeri itu. Ini adalah dasar Kerajaan Barisan Nasional, tetapi oleh kerana pihak DAP adalah ketandusan modal, mereka perlu juga membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada bertanya sama ada Kementerian saya ada rancangan untuk membesarkan jeti di Melaka. Suka saya menjelaskan bahawa buat masa ini adalah difikirkan kemudahan-kemudahan yang ada di Jeti Tanjung Bruas mencukupi untuk menampung trafik ke Pelabuhan Melaka. Walau bagaimanapun, Kementerian ini dengan persetujuan Kerajaan Negeri Melaka sedang mengambil tindakan menyerahkan pentadbiran jeti tersebut bersama-sama dengan aktiviti-aktiviti di Pelabuhan Melaka kepada Lembaga Pelabuhan Kelang. Adalah diharapkan bahawa dengan tindakan perletakan jeti dan pelabuhan Melaka ini di bawah Lembaga Pelabuhan Kelang pentadbiran dan operasi pelabuhan tersebut akan menjadi lebih cekap dan sistematik lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan satu Marine College di Sabah dan Sarawak. Kerajaan

berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu dan saya suka memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Pusat telah pun menubuhkan satu Akademi Laut di Melaka (ALAM) untuk melatih pelaut-pelaut dan pegawai-pegawai bersijil untuk bertugas di atas kapal. Akademi tersebut mempunyai rancangan jangka panjang untuk menubuhkan cawangan-cawangan di Sabah dan Sarawak. Pengurusan Akademi tersebut bersama-sama dengan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pengangkutan telah membuat lawatan kajian ke dua-dua negeri tersebut untuk mengkaji kehendak latihan di Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul bahawa Syarikat-syarikat Perkapalan di Sarawak menghadapi kesukaran untuk mendapatkan penyertaan bumiputera sekurang-kurangnya 30% dari segi ekuiti sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi lesen perkapalan dalam negeri, suka saya menjelaskan bahawa Kementerian saya telah dimaklumkan oleh Bahagian Penyertaan Bumiputera, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, cawangan Sarawak bahawa kesulitan mendapatkan penyertaan bumiputera tidak wujud di Sarawak, malahan Bahagian itu telah menerima banyak penyertaan daripada bumiputera Sarawak tentang peluang-peluang untuk menceburkan diri bidang perkapalan. Oleh yang demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah satu dakwaan yang tidak berasaskan sekali dan dibuat dengan tujuan-tujuan yang tertentu iaitu dengan niat yang tidak baik.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul juga telah membantah kononnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Sarawak telah membenarkan bot-bot yang lebih kuasa kudanya daripada 350 digunakan di Sungai Rajang semasa pilihanraya

umum diadakan. Saya hairan mengapa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul itu menunggu semasa Parlimen bersidang untuk membuat tuduhan itu. Ahli Yang Berhormat sepatutnya membuat bantahan pilihanraya (election petition) di bawah Akta Suruhanjaya Pilihanraya, mungkin tuduhan ini tidak berasas dan itulah sebabnya Ahli Yang Berhormat itu tidak membuat election petition. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya mohon maaf oleh kerana menjawab dengan begitu panjang dan lebar oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap dalam perbahasan ini, tetapi saya ingin mengakhiri jawapan saya ini dengan menyentuh apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai sebentar tadi iaitu mengenai hujan tiruan oleh kerana belum saya sentuh lagi di dalam jawapan ini.

Suka saya menyatakan bahawa usaha bagi mengadakan hujan tiruan adalah dirancangkan terlebih dahulu untuk dijalankan dalam keadaan cuaca tertentu di mana ianya boleh membawa hasil yang lebih berkesan mengikut amalan-amalan yang digunakan di negeri Thai. Penyelidikan dalam bidang hujan tiruan terus dijalankan supaya meningkatkan kesannya. Adalah benar bahawa \$1 juta belum diselesaikan lagi kepada syarikat yang berkenaan disebabkan syarikat menyewa kapal terbang tidak mematuhi syarat bank guarantee, tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat berucap semasa membahaskan belanjawan bagi Kementerian saya. Bagi jawapan-jawapan yang tidak

dapat saya berikan ada hari ini suka saya menjamin bahawa perkara itu adalah di dalam perhatian dan akan diambil tindakan di mana yang perlu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$8,469,500 untuk Maksud B. 51; \$7,781,400 untuk Maksud B. 52; \$11,564,800 untuk Maksud B. 53, \$10 untuk Maksud B. 54; \$19,264,900 untuk Maksud B. 55; \$12,457,800 untuk Maksud B. 56 dan \$29,222,500 untuk Maksud B. 57 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,469,500 untuk Maksud B. 51; \$7,781,400 untuk Maksud B. 52; \$11,564,800 untuk Maksud B. 53; \$10 untuk Maksud B. 54; \$19,264,900 untuk Maksud B. 55; \$12,457,800 untuk Maksud B. 56 dan \$29,222,500 untuk Maksud B. 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$763,850,070 yang disebutkan dalam Maksud P. 51; \$8,970,160 untuk Maksud P. 52; \$6,164,263 untuk Maksud P. 53, \$160,138,725 untuk Maksud P. 54; \$114,790,080 untuk Maksud P. 53; \$2,802,922 untuk Maksud P. 56 dan \$9,464,808 untuk Maksud P. 57 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Wang sebanyak \$763,850,070 untuk Maksud P. 51; \$8,970,160 untuk Maksud P. 52; \$6,164,263 untuk Maksud P. 53; \$160,138,725 untuk Maksud P. 54; \$114,790,080 untuk

Maksud P. 55; \$2,802,922 untuk Maksud P. 56 dan \$9,464,808 untuk Maksud P. 57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 58, B. 59 dan B. 60 (Jadual)—

Maksud P. 58, P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 58, B. 59, dan B. 60 dan Kepala Pembangunan P. 58, P. 59 dan P. 60 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.03 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama suka saya merujuk kepada muka surat 562, Maksud Bekalan 59, Jabatan Telekom dan saya suka bercakap atas tajuk Perkhidmatan Telekom.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang kita sedia maklum Perkhidmatan Telekom ialah satu jenis perkhidmatan yang mustahak dan perlu dalam kehidupan kita. Saya tidak menafikan bahawa banyak telah dilaksanakan oleh Jabatan Telekom dari segi perkhidmatan kepada orang ramai, tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa dalam satu Jabatan yang begitu besar dan bercorak service orientasi kepada orang ramai tentulah ada bidang-bidang di mana ada kelemahan yang hendak diambil perhatian dan juga langkah hendak diambil untuk memperbaikinya.

Apa yang saya ingin menyentuh di sini ialah satu perkara yang rasa saya bukanlah satu perkara yang baru tetapi satu perkara yang sentiasa ditimbulkan

dalam Dewan yang mulia ini dan ini ialah berkenaan dengan sistem bil telefon bulanan yang dikeluarkan oleh Jabatan yang berkenaan. Perkara ini dianggap penting kerana sejak kebelakangan ini adanya pengaduan-pengaduan yang dikemukakan oleh pelanggan-pelanggan yang tidak berpuas hati dan muskil tentang jumlah bayaran telefon yang dikenakan terlalu tinggi dan dianggap tidak munasabah untuk dibayar oleh mereka. Rungutan dan pengaduan yang boleh dikatakan sentiasa tersiar dalam suratkhbar-suratkhbar mengenai perkara ini dan saya sebagai seorang Wakil Rakyat kawasan Kuala Lumpur pun sentiasa dihubungi oleh orang ramai tentang aduan-aduan mereka mengenai bil telefon yang mereka anggap adalah tidak berpatutan.

Tuan Pengerusi, walaupun menurut Jabatan Telekom peratusan pengaduan ini hanya merupakan 0.3% sahaja dari pengaduan-pengaduan yang diterima daripada orang ramai mengenai perkhidmatan daripada Jabatan Telekom, saya percaya jumlah ini akan bertambah sekiranya langkah-langkah positif tidak diambil dengan segera untuk mencari satu sistem yang lebih berkesan untuk mengatasinya. Nampak saya masalah utama dalam sistem ini telefon yang sangat tidak memuaskan ialah tidak adanya penerangan yang cukup dan jelas tentang butir-butir angka pembayaran di dalamnya dan ini tentu sekali menimbulkan tandatanya setiap pelanggan apabila menerima sesuatu bil telefon. Bil telefon yang ada ini sekarang hanya mencatatkan perkara-perkara yang berikut, misalnya:

- (1) baki dari bulan dahulu;
- (2) bayaran yang dibuat pada bulan itu;
- (3) jumlah panggilan dalam bulan ini; dan
- (4) jumlah perlu dibayar.

Saya dan juga orang ramai merasa bahawa butir-butir ini kurang jelas dan tidak boleh difahami oleh para pelanggan dengan mudah sekiranya mereka mempunyai keraguan tentang sama ada jumlah bil itu adalah berpatutan atau tidak.

Tuan Pengerusi, sepatutnya bil telefon bulan ini hendaklah mengandungi butir-butir berikut yang boleh menolong para pelanggan untuk memahami dengan mudah dan saya rasa bahawa pecahan hendaklah diberi seperti yang berikut:

- (1) jumlah tunggakan sesuatu bulan. Maksud saya ialah bulan yang lalu sebagai satu contoh;
- (2) jumlah tunggakan pada bulan ini;
- (3) sewa bulan depan; dan
- (4) jumlah perlu dibayar oleh pelanggan. Ini hendaklah termasuk catatan pembayaran terdahulu oleh sebab saya rasa bahawa maklumat berkenaan aspek ini adalah mustahak dan boleh memudahkan para pelanggan untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan dengan bagaimana bil ini telah diatur untuk dibayar oleh beliau.

Dengan cara ini seseorang pelanggan boleh mengetahui dengan segera, misalnya kenapa mereka harus membayar jumlah yang terkandung dalam bil dan berapakah sebenarnya tunggakan itu. Jika sistem ini dapat diambil perhatian dan diperkenalkan maka tentulah Telekom terpaksa membuat beberapa perubahan dalam sistem bil telefonnya. Pelanggan-pelanggan tidak lagi mempertikaikan jumlah yang dikenakan dalam bil dan pihak Telekom tentulah tidak perlu menghabiskan masa untuk memberi

penjelasan tentang jumlah tunggakan sebenar kepada para pelanggan.

Di atas masalah ini maka saya suka menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengarahkan sistem bil ini diperkemaskan lagi bagi memudahkan para pelanggan telefon memahami dan mengetahui dengan cepat jumlah yang sebenarnya mereka harus membayar.

Tuan Pengerusi, sungguhpun perkhidmatan telefon menggunakan sistem komputer tetapi tadi saya kata bahawa orang ramai masih mengadu tentang bil telefon yang tinggi. Keadaan ini tentulah bersebab di Bahagian Teknik dan saya suka menggesa supaya kakitangan Telekom yang bertanggungjawab kepada Bahagian itu boleh melaksanakan tugas dengan lebih cekap untuk memastikan mereka dapat bekerja dengan baik.

Walaupun banyak tuduhan yang mengatakan bahawa bayaran bil telefon yang tinggi berpunca dari kejadian mencuri line orang lain dan pihak Telekom seringkali menafikan perkara ini tetapi saya suka mengesyorkan di sini supaya pemeriksaan rapi mestilah dilakukan di Bahagian Teknik. Dengan adanya pemeriksaan rapi ini maka ini akan dapat menentukan bahawa kejadian bil telefon yang tidak berpatutan bukan sahaja dapat dikurangkan tetapi dapat diatasi dengan memuaskan.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini dan ini ialah perkara yang akhir saya ingin membangkitkan iaitu berkenaan dengan apa yang terkandung dalam muka surat 564 di bawah Maksud Bekalan 60 Jabatan Perkhidmatan Pos. Saya suka bercakap atas Butiran (Kod) 1100, Program (1) berkenaan dengan Perkhidmatan Mel.

Perkhidmatan Mel ialah satu jenis komunikasi yang mustahak kepada orang ramai. Dengan kenaikan kadar pos yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, saya suka mengambil peluang ini untuk mienggesa Jabatan Perkhidmatan Pos untuk mencari jalan bagi tujuan meningkatkan lagi Perkhidmatan Mel demi faedah orang ramai. Saya berpendapat bahawa salah satu perkara yang patut diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri ialah untuk mencari jalan atau langkah bagi menentukan bahawa penderaman mel dari satu tempat ke satu tempat yang lain dapat dibuat dengan lebih cepat dan lebih berkesan oleh sebab tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat banyak aduan-aduan daripada orang ramai bahawa ada berlakunya kelewatan berkenaan dengan penderaman mel dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Saya berharap bahawa dengan kenaikan kadar pos ini, Jabatan yang berkenaan dapatlah berikhtiar untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan lebih efficient kepada orang ramai.

Satu aspek lain yang saya ingin membangkitkan di sini ialah saya juga hendak menyampaikan satu cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos supaya dalam memberi perkhidmatan yang lebih cekap kepada orang ramai maka Jabatan yang berkenaan hendaklah membuka lebih banyak Pejabat Pos Kecil di kawasan-kawasan perumahan baru, misalnya di Wilayah Persekutuan ada banyak kawasan-kawasan atau estet-estet perumahan yang baru dibuka dan saya harap bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos bolehlah melancarkan satu skim di mana lebih banyak Pejabat Pos Kecil dapat dibuka di estet-estet perumahan yang baru ini supaya perkhidmatan dapat dibawa ataupun disampaikan kepada penduduk-penduduk yang menduduki estet-estet perumahan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Julau.

5.16 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, daripada peruntukan yang diberi kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya ingin menyentuh Maksud B. 60, muka surat 564, Butiran 1100—Gaji dan Upahan Program (1) Perkhidmatan Mel.

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$58,872,600 boleh digunakan oleh Kementerian ini dan Jabatan Pos untuk menambah dan memperbaiki perkhidmatan pos di negara ini demi kepentingan orang ramai di luar bandar juga.

Tuan Pengerusi, misalnya ia akan mengambil masa 3 minggu untuk surat atau mel-mel yang disegerakan dari Kuala Lumpur sampai ke Pejabat Pos Daerah di Julau dengan mel-mel ekspres. Sistem ini adalah yang paling pantas dan cepat sekali. Selalunya mel-mel yang disegerakan yang mustahak ataupun surat-surat yang mustahak dihantar dengan mel ekspres selalu diterima oleh sipenerima lewat 4 atau 5 hari selepas tarikh yang dijadualkan seperti diperkatakan di dalam surat itu dan oleh yang demikian ini menyusahkan di antara sipenghantar dan sipenerima.

Tuan Pengerusi, seperti di kawasan luar bandar yang lain kelambatan ini disebabkan ketidakadaan peraturan-peraturan pengangkutan yang membawa mel-mel dari Sibü atau Sarikei ke Pejabat Pos di Julau dan oleh yang demikian mel-mel atau surat-surat terpaksa disimpan di pejabat Pos di Sibü atau di Sarikei untuk beberapa hari sebelum dibawa ke Julau.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya mengaturkan

kenderaan untuk mengambil dan membawa mel-mel atau surat-surat dari Pejabat Pos Sibu atau Sarikei ke Julau dan dari Julau ke Daerah Kecil Entabai. Ini untuk mengelakkan kehilangan surat-surat atau mel-mel yang sering berlaku.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong perbelanjaan Kementerian tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit.

5.21 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis Parit): Tuan Pengerusi, di sini saya mengambil kesempatan untuk memberikan sokongan kepada perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Yang pertama sekali saya ingin menyentuh Maksud P. 58, Butiran 2 iaitu mengenai projek-projek membekal dan lain-lain.

Sebelum itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini kerana telah begitu banyak kejayaan dibuat di dalam memenuhi hasrat penduduk-penduduk di negara ini untuk menikmati bekalan elektrik termasuk juga penduduk-penduduk di luar bandar. Walaupun begitu masih banyak lagi tempat-tempat di kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan elektrik ini.

Tuan Pengerusi, apa yang selalunya berlaku apabila satu-satu projek bekalan elektrik itu diluluskan oleh Kementerian atau oleh Kerajaan, kerja-kerja memasang tiang dan mendawai dapat dijalankan dengan begitu memuaskan. Apabila sampai kepada peringkat menyambung wire hitam ke rumah maka di sini akan timbul masalah yang menyebabkan selalu berlaku kelewatan kepada

bekalan elektrik ini iaitu oleh sebab kabel tidak cukup. Ini yang selalu berlaku. Di sini apabila pihak penduduk-penduduk luar bandar bertanya maka LLN akan memberi sebab mengatakan pemasangan kabel di bawah tanah tidak dapat disambung daripada tenaga stesen besar ke substesen kerana kabel tidak cukup. Masalahnya dikatakan kabel tidak cukup oleh kerana bekalan yang ada dalam Kementerian ini selalu terputus. Pihak rakyat menyedari tentang masalah ini apabila penerangan-penerangan ataupun mereka bertanya kepada pihak yang berkenaan mengatakan bahawa kabel ini harganya mahal dan bekalannya hanya didapati daripada negara-negara pembekal daripada luar seperti Jepun, Korea, Australia dan berbagai-bagai negara yang membekalkan kabel-kabel ini. Ini mungkin kesilapan pihak-pihak Kementerian sendiri. Kementerian memanglah sudah merancang hal ini begitu lama dan memanglah rancangan untuk memasang elektrik ke luar-luar bandar ini telah dirancangan begitu lama kerana luar bandar merupakan kawasan yang sangat kurang menerima bekalan elektrik ketika negara kita mencapai kemerdekaan dahulu. Jadi seharusnya apabila rancangan yang besar ini hendak dilakukan maka pihak Kementerian atau pihak Kerajaan seharusnya membuat tambahan, membuat permintaan kepada negara-negara pembekal ini awal-awal supaya pemasangan elektrik ke luar-luar bandar tidak tergendala. Kalau misalnya rancangan itu 10 tahun lagi hendak dijalankan kita boleh memohon dari sekarang, kerana rancangan-rancangan ini akan berjalan dari setahun ke setahun tidaklah tergendala dengan tak cukupnya kabel yang hendak dipasang ke kawasan-kawasan yang telah diluluskan pemasangan projek elektrik ini.

Di sini saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian supaya dalam rancangan-rancangan yang ke hadapan

ini supaya kita membuat permohonan lebih awal dan biarlah permohonan itu melebihi daripada apa yang kita rancang kerana pemasangan elektrik ke luar-luar bandar ini tidak akan habis-habis kerana dalam negara kita ini masih terlalu banyak lagi kawasan-kawasan yang belum mendapat nikmat elektrik seperti yang dinikmati oleh penduduk-penduduk bandar semenjak zaman sebelum merdeka lagi.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya ingin sentuh P. 59, Butiran 1, muka surat 562.

Di sini juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian khususnya kepada Jabatan Telekom kerana telah berjaya begitu banyak memberikan layanan-layanan ke atas permohonan-permohonan daripada orang ramai untuk pemasangan telefon ke rumah-rumah. Hanya satu perkara yang menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan pelanggan-pelanggan ialah perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan luar bandar juga selalu terdapat kesukaran untuk mendapatkan panggilan dan juga untuk membuat satu panggilan dari satu ke satu tempat. Ini berlainan dengan perkhidmatan yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di bandar, oleh pengguna-pengguna di bandar kerana mereka tidak menghadapi masalah kesulitan seperti ini.

Misalnya kalau kita hendak bercakap atau hendak membuat panggilan daripada Alor Setar ke Johor Bahru amat mudah kita dapat membuat panggilan dan begitu juga panggilan kita dalam keadaan yang begitu terang dan jelas seperti kita bercakap bersebelahan bilik dengan orang yang kita lawan bercakap. Tetapi kalau bercakap dari Parit ke Bota di kawasan saya yang jauhnya lebih kurang 9 batu, kadang-kadang sampai

setengah jam membuat panggilan tidak dapat dan akhirnya lebih baik sendiri daripada membuat panggilan 9 batu, sepuluh minit boleh sampai. Inilah yang berlaku kadang-kadang apabila sudah dapat panggilan pula, apa yang kita cakapkan itu langsung tidak dengar.

Saya hairan, sepatutnya keadaan di luar bandar akan lebih jelas, akan lebih terang, akan lebih mudah mendapat panggilan daripada di bandar kerana keadaan di luar bandar ini keadaan yang tenteram, aman, sunyi dan gangguan tidak banyak tetapi keadaannya sebaliknya pula. Di bandar dapat panggilan dan perkhidmatan yang cukup memuaskan. Di luar bandar pula menghadapi kesulitan-kesulitan, dan masalah-maalah yang begitu rumit kepada pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya sekarang ini di luar-luar bandar tidaklah begitu susah untuk mendapatkan bekalan telefon, hendak minta telefon hendak pasang tidak susah hendak dapat. Buat masa ini hampir tiap-tiap rumah, bukanlah semua rumah, banyak rumah-rumah telah dapat bekalan telefon tetapi perkhidmatan yang mereka terima tidak memuaskan. Telefon ada, hendak digunakan tidak dapat.

Di sini saya mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya membuat satu dasar apabila tiap-tiap 100 telefon dipasang ataupun dikesilkan lagi di luar bandar ini bagi istimewa sedikit, 50 telefon dipasang, hendaklah Kerajaan mengadakan satu sub-stesen ataupun ibusawat supaya tiap-tiap panggilan yang dibuat akan mendapat perkhidmatan yang cepat.

Dengan keadaan ini rakyat-rakyat di luar bandar tidaklah akan merasa layanan kepada mereka tidak

memuaskan. Jangan jadi telefon ada tetapi perkhabaran atau satu-satu kecemasan tidak dapat diambil tindakan yang segera.

Tuan Pengerusi, yang ketiga mengenai Maksud P. 60 Butiran 1, muka surat 567. Di sini saya akan menarik perhatian Dewan ini berkenaan dengan masalah Pejabat Pos di luar bandar—kerana di bandar saya tidak berani hendak cakap kerana memanglah layanannya cukup baik, pejabat pos besar dan kaunternya banyak—tetapi di luar bandar saya beritahulah, satu misalan di kawasan saya dan mungkin di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain keadaan Perkhidmatan Pos ini bukannya tidak memuaskan tetapi kurang memuaskan, tidak dapat layanan yang begitu memuaskan hati penduduk-penduduk kita.

Di kawasan saya misalnya terdapat sebuah pejabat pos yang telah didirikan sejak zaman Yang Berhormat Tun V. T. Sambanthan dulu iaitu tahun enam puluhan. Pada ketika itu penduduk-penduduk begitulah seronok dengan adanya pejabat pos baru ini tetapi apabila 20 tahun berlalu keadaan pejabat pos yang ada ketika itu tidaklah sesuai lagi dengan keadaan zaman sekarang, bangunannya sebesar itu sedangkan pengguna-pengguna telah berlipat ganda.

Tuan Pengerusi, pada hari ini seperti keadaan lama juga di pejabat pos ini hanya ada dua kaunter, di situlah berpusunya beratus-ratus pengguna-pengguna yang inginkan perkhidmatan daripada jabatan ini. Di situlah tempat orang-orang hendak menyimpan wang, di situlah orang yang hendak mengirim wang, di situlah surat-menyurat dan surat berdaftar, di situlah juga tempat membayar berbagai-bagai jenis bil-bil, di situlah tempat membayar pencen dan di situlah berbagai lagi perkhidmatan yang hendak dilakukan oleh pengguna.

Tuan Pengerusi, di kawasan Bota yang saya sebutkan ini penduduknya hampir 50,000 orang dan mengikut apa yang saya tinjau antara 2,000 hingga 3,000 bahkan kadang-kadang meningkat hingga 5,000 pengguna-pengguna datang berkehendakkan perkhidmatan daripada pejabat pos ini. Jadi cubalah bayangkan dengan dua kaunter yang ada di situ bagaimanakah pihak pejabat pos ini akan dapat melayan pelanggan-pelanggan yang begitu ramai. Jadi untuk pengetahuan Kementerian bahawa penduduk-penduduk di luar bandar ini terdiri dari orang miskin, berpendapatan rendah dan apabila mereka sekali telah gagal untuk mendapatkan perkhidmatan mereka susah hendak datang lagi dan mereka akan mengeluarkan rasa tidak puas hati kepada pihak Kerajaan.

Jadi, di sini saya merayulah kepada pihak Kementerian supaya keadaan ini dapat diperbaiki dan rancangan untuk mendirikan sebuah pejabat pos yang baru akan dibuat bukan sahaja di tempat saya ini tetapi di mana-mana juga di dalam negara yang didapati perkhidmatan ataupun pejabat posnya masih lagi di dalam keadaan tahun enam puluhan.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.35 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Pengerusi, saya bangun kerana ingin bercakap sedikit berkenaan dengan B. 58 Butiran 2 iaitu Projek-projek membekalkan elektrik dan lain-lain.

Kerajaan Barisan Nasional berhasrat mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat khususnya kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Salah satu punca utama yang boleh memperbaiki kehidupan rakyat luar bandar ialah membekalkan elektrik ke rumah mereka kerana elektrik tetap mendatangkan kemudahan. Saya dapati projek bekalan elektrik ke luar bandar sedang dijalankan ke seluruh tanah air. Saya harus mengambil peluang ini mengucapkan syabas kepada Kementerian berkenaan.

Tuan Pengerusi, walaupun demikian kebanyakan kawasan luar bandar masih belum dibekalkan elektrik khususnya di kawasan Parlimen saya iaitu Padang Serai. Di kawasan itu masih banyak kampung mendahagai elektrik. Maka saya bercadang pekerjaan bekalan elektrik ke luar bandar dipercepatkan supaya rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa.

Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap sedikit berkenaan dengan Perkhidmatan Telekom, Maksud B. 59 muka surat 562. Jabatan Telekom selalu mengorek jalan-jalan kerana menanam kabel. Apabila pekerjaan itu siap jalan yang dikorek tidak dapat diperbaiki cuma dengan alasan tiada peruntukan lagi. Jalan yang dikorek itu dibiarkan sedemikian bukan sahaja menyusahkan pengguna-pengguna jalan bahkan mendatangkan bahaya. Di sini saya ingin turunkan dua contoh.

Pertama, jalan antara Kulim dan Kilang Lama di Kedah, apabila pekerjaan tanaman kabel itu siap, jalan yang dikorek itu tidak ditarkan semula, ini menyebabkan sembilan kes kemalangan jalan raya termasuk kehilangan satu nyawa.

Kedua, pekerjaan tanam kabel di Lunas, Kulim, Kedah telah mengakibatkan tiga kerat jalan jahanam. Sehingga hari ini masih tiada tanda Jabatan Telekom akan membaikinya walaupun banyak kali saya timbulkan dalam Mesyuarat

Tindakan Daerah, Kulim tetapi jawapannya tiada peruntukan.

Tuan Pengerusi, Jabatan Telekom seharusnya menitikberatkan tentang hal ini sekiranya kekurangan peruntukan jangalah jalan dikorek dan pekerjaan projek-projek harus ditamatkan lebih cepat. Ini sekurangnya dapat mengurangkan sungutan-sungutan.

Menyentuh pondok telefon pula, saya diberitahu dalam satu tahun cuma satu pondok telefon boleh dipasang dalam satu daerah. Sekiranya daerah itu besar yang mungkin mengandungi berpuluh-puluh kampung dan pekan kecil mengikut dasar itu berertilah berkehendakkan berpuluh-puluh tahun untuk memasang pondok telefon di daerah itu. Pada hari ini pondok-pondok telefon untuk kegunaan orang ramai adalah perlu serta mustahak, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar dianggap sebagai alat hubungan apabila terjadi sesuatu insiden. Maka dengan ini saya mencadangkan pada setiap tahun, setiap daerah diberi lebih banyak pondok telefon.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya sokong belanjawan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi tahun 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.40 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih oleh kerana petang ini saya berpeluang bercakap, kerana selama lebih satu bulan saya duduk di sini saya melihat banyak Ahli-ahli baharu bercakap, sukar saya hendak bercakap. Saya bercakap dengan ringkas. Saya di sini juga mengambil kesempatan bercakap berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya menyokong Maksud B. 58 dan P. 59

dan P. 60 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang diperuntukkan berjumlah \$1,206,892,940 iaitu Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan.

Tuan Pengerusi, di samping menyokong peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, ingin saya di sini bercakap satu perkara sahaja iaitu yang saya anggap penting kepada penduduk di kawasan luar bandar iaitu Rancangan Mini Haidro, Butiran 25 (v) (a), muka surat 560. Saya di sini terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana saya dapati dalam tiga tahun kebelakangan Kerajaan telah mengadakan program-program dengan menyediakan peruntukan untuk membantu rakyat di kawasan luar bandar. Pada masa ini saya berpendapat bahawa banyak lagi rumah panjang telah mendapat bekalan elektrik tetapi walaupun demikian, saya difahamkan bahawa masih banyak rumah panjang yang baharu di kawasan luar bandar yang perlulah bekalan elektrik dan perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa negeri Sarawak sebuah negeri dalam Malaysia yang sangat luas dan hampir 100% kaum bumiputera, Dayak, Iban, tinggal di kawasan luar bandar. Maka oleh sebab itu, Kerajaan tidak dapatlah memberi bekalan elektrik dengan sekali gus bahkan pemberian bekalan elektrik ini dengan secara berperingkat-peringkat. Contohnya, Tuan Pengerusi, di kawasan saya Batang Lupar hampir 500 buah rumah panjang disediakan dengan 9 orang penghulu kaum Iban tidak termasuk penghulu Melayu dan Cina. Di bawah seorang penghulu maksima rumah panjang tidak kurang 40 buah. Oleh hal yang demikian, maka Kerajaan tidak dapat

menyalurkan generator kepada semua rumah panjang tetapi pemberian generator itu difahamkan dengan masa yang panjang. Tuan Pengerusi, pada pendapat saya walaupun program-program telah dan masih berjalan terus untuk menyediakan generator kepada rumah panjang, saya fikir pemberian ini telah mengambil masa yang lebih panjang dan ongkos pemberian inipun menelan belanja lebih besar kerana saya dapati masih banyak rumah panjang di negeri Sarawak belum dapat generator dari kerajaan.

Pada pendapat saya terlebih dahulu Kerajaan perlu siasat dalam satu kawasan di bawah seorang penghulu di mana kawasan itu terdapat 'wong' (waterfall) yang tinggi. Contohnya di kawasan saya di bawah seorang penghulu ada wong yang tingginya lebih kurang 30 kaki. Saya fikir kawasan itu perlu disiasat dengan cepat kerana dalam kawasan tersebut penduduknya hampir 10,000 keluarga termasuk orang-orang Cina. Oleh hal yang demikian, saya fikir Kerajaan perlu siasat kawasan yang saya sebutkan di sini supaya kawasan tersebut dapat diadakan mini haidro kerana kuasa mini haidro ini agak lebih murah dari kuasa generator. Saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan akan dapat memberikan perhatian dengan serius supaya kawasan yang saya sebutkan di situ dapat dijalankan dengan cepat dan peruntukan untuk mengadakan mini haidro di negara Sarawak juga perlu ditambahkan berlipat kali ganda kerana mini haidro di dapati sangat murah kalau dibandingkan dengan kuasa generator yang diberikan oleh Kerajaan pada hari ini. Mini haidro ini juga terutama sekali akan dapat memberi kemudahan kepada seluruh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Saya berharap bahawa program untuk menubuhkan mini haidro di negeri Sarawak perlu digalakkan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, ingin saya menyentuh mengenai haidro di Batang Air, Lubok Antu, Bahagian Kedua Sarawak. Haidro ini telah dijalankan mulai awal tahun 1982. Saya difahamkan bahawa banyak rakyat datang dari kawasan lain, contohnya, rakyat yang datang dari daerah Saratok, Betong dan Darat Batang Lupar mencari pekerjaan seperti pekerjaan buruh kasar, tetapi kebanyakan permohonan mereka itu ditolak oleh pihak kontraktor Jepun ataupun kontraktor joint venture Jepun dan Korea. Selama dalam tahun 1982 ini saya banyak menerima aduan dari orang ramai iaitu apakah sebabnya rakyat yang ingin bekerja di Batang Air Haidro tetapi mereka itu datangnya dari daerah lain. Contohnya, mereka itu datang dari daerah Saratok, Betong dan Batang Lupar. Pemohon yang datang dari daerah tersebut telah ditolak oleh pihak kontraktor. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak yang berkuasa kenapa rakyat yang datang dari daerah yang lain untuk mencari pekerjaan di kawasan tersebut bersama-sama ditimbang oleh pihak kontraktor Batang Air Haidro Elektrik. Saya berharap bahawa hal penerimaan pekerja di Batang Air Haidro perlu disiasat dan ditimbang supaya seluruh rakyat yang datang dari seluruh bahagian di negeri Sarawak akan dapat ditimbang apabila mereka berkehendakkan pekerjaan buruh kasar mahupun bekerja seperti jurutulis, kerani dan sebagainya. Selain dari itu, pembayaran harta-benda rakyat di kawasan tersebut. Pada tahun ini banyak rumah panjang telah dipindahkan ke tempat tertentu untuk menempatkan mereka. Saya berpendapat bahawa bila ada hari hujan lebat telah banyak kawasan rumah panjang banjir. Sepatutnya sebelum kontraktor itu telah memulakan haidro di kawasan tersebut pihak Kerajaan terlebih dahulu perlu memindahkan rakyat di kawasan tersebut dengan secepat mungkin.

Pada hari ini banyak berlaku kebimbangan rakyat di kawasan tersebut kerana mereka telah dipindahkan dengan segera. Perkara pemindahan rakyat di kawasan tersebut dengan segera memerlukan banyak peruntukan. Oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa peruntukan di bawah Kementerian ini perlu dilipatgandakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Labis.

5.48 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong Maksud Pembangunan B. 59, muka surat 562 iaitu Jabatan Telekom. Di antara begitu banyak jabatan-jabatan Kerajaan, Jabatan Telekomlah merupakan jabatan paling selalu dipersoalkan prestasinya. Masalah-masalah yang selalu dibangkitkan mengenai jabatan ini masih banyak belum dapat diselesaikan. Kemungkinan mengadakan perkhidmatan telefon yang bermutu tinggi dengan kadar harga yang berpatutan mestilah dikaji dengan serius. Terdapat keadaan di mana permohonan-permohonan untuk perkhidmatan telefon mengambil masa begitu lama sekali sebelum dapat diberi layanan. Jabatan ini mestilah sedar bahawa penggunaan telefon bukanlah satu "luxury" di masa ini. Peniaga-peniaga memerlukan perkhidmatan ini bagi perjalanan perniagaan yang lebih licin. Pihak jabatan ini perlu menyiasat mengapa selalu terdapat kesukaran untuk membuat panggilan sambungjauh Terus Dail (STD) dari bandar-bandar kecil ke bandar-bandar kecil yang lain sepertimana yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Parit tadi.

Jabatan ini juga perlu mengkaji mengapa panggilan telefon dari luar negeri ke Malaysia lebih cepat, lebih

jas dan lebih murah kalau dibandingkan dengan panggilan telefon dari Malaysia ke luar negeri. Kadar bayarannya begitu tinggi sekali. Jabatan ini perlu mengkaji kemungkinan mengadakan perkhidmatan telex dengan harga yang lebih berpatutan. Ini memandangkan permintaan yang bertambah dari sektor perniagaan yang sudah bertambah "sophisticated" di zaman komputer ini. Kecekapan keseluruhan Jabatan ini perlulah ditinjau.

Saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian mengkaji kemungkinan menjadikan Jabatan Telekom ini sebagai satu lembaga (Board) seperti Lembaga Letrik Negara di mana ianya boleh wujud sebagai satu perbadanan yang "commercially oriented", dengan izin. Jika Jabatan ini dapat dijadikan satu Lembaga (Board) seperti yang dicadangkan, besar kemungkinan ianya akan menjadi lebih "efficient" dan menguntungkan kepada Kerajaan sambil dapat memberikan perkhidmatan yang berpatutan harganya kepada pengguna-pengguna. Ianya juga boleh mengadakan usaha sama-usaha sama dengan syarikat-syarikat telefon yang terbesar di dunia ini di mana ianya boleh mendapat faedah dari segi teknologi baru yang ada pada syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong Maksud Bekalan B. 58, muka surat 557, Butiran 1100, Program (2) Perancangan dan Penyelidikan.

Penyelidikan di atas potensi kegunaan "solar energy" ataupun ~~kuasa~~ tenaga matahari hendaklah diperhebatkan sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengatasi kos tenaga yang sudah tentu akan naik dengan tingginya di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi.

5.52 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Speaker, saya ingin menyentuh Maksud B. 59, Jabatan Telekom, muka surat 562, Tajuk Perkhidmatan Telekom, Program Perkhidmatan Telekom dan Maksud B. 60, Jabatan Perkhidmatan Pos, muka surat 564, Butiran 1100, Tajuk, Gaji dan Upahan, Program (1) Perkhidmatan Mel.

Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh satu dua perkara sahaja. Pada masa sekarang penduduk-penduduk Kampung Baru Salak Selatan Kawasan Sungai Besi tidak mempunyai sebarang Pejabat Pos. Mereka hanya menikmati perkhidmatan Pejabat Pos Bergerak seminggu sekali. Itupun dari pukul 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Ini adalah tidak memuaskan kerana apabila Pejabat Pos Bergerak sampai ke Kampung Baru tersebut, penduduk-penduduk berlumba-lumba untuk membayar bil elektrik dan air.

Perkhidmatan yang diberi kepada Kampung Baru tersebut adalah terhad kepada sekali seminggu sahaja dan ini adalah tidak memuaskan. Umpamanya sekiranya penduduk-penduduk tidak dapat menjelaskan bil elektrik mereka pada hari Unit Pos Bergerak itu sampai ke Kampung Baru tersebut, maka mereka terpaksa pergi ke Pejabat Pos Salak Selatan yang letaknya agak jauh dari Kampung Baru Salak Selatan untuk menjelaskan bil-bil elektrik. Kalau mereka tidak berbuat demikian, bekalan elektrik ke rumah mereka akan dipotong kerana tempoh yang diberi kepada mereka untuk menjelaskan bil elektrik mereka ialah 7 hari sahaja. Ini menyebabkan kesusahan terutama sekali kepada suri-suri rumahtangga.

Memandangkan kepada ini, saya mengesyorkan supaya sebuah Pejabat Pos dibina ataupun sebuah Pejabat Pos Mini dibina di Kampung Baru Salak

Selatan demi kepentingan penduduk-penduduk Kampung Baru tersebut lebih-lebih lagi kerana Kampung Baru Salak Selatan terletak di bandar Kuala Lumpur.

Di samping ini juga saya menggesa supaya lebih banyak lagi Pejabat Pos dibina di Wilayah Persekutuan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Saya juga mengesyorkan supaya sebuah Pejabat Pos Mini dibina di setiap estet perumahan demi keselesaan para penduduk.

Di Pejabat-pejabat Pos yang wujud sekarang pula, saya syorkan supaya lebih banyak lagi kaunter dibuka kerana saya telah menerima aduan bahawa orang ramai terpaksa berbaris selama kadangkala 20 atau 30 minit untuk membeli setem atau menghantar surat berdaftar. Keadaan ini wujud di merata Pejabat Pos khususnya di Pejabat Pos Pusat Kuala Lumpur. Disebabkan ini, saya menyeru supaya lebih banyak lagi kaunter dibuka di Pejabat-pejabat Pos serta pengambilan kakitangan hendaklah ditambahkan supaya dapat menentukan perkhidmatan yang lebih sempurna dan baik diberi kepada orang ramai.

Akhirnya saya ingin bangkitkan seperka berhubung dengan telefon. Saya telah menerima aduan dari penduduk-penduduk Damansara Utama bahawa selepas sahaja hujan turun telefon mereka rosak. Keadaan ini bukanlah terhad kepada kawasan Damansara Utama, tetapi juga di merata-rata tempat yang lain. Saya berharap keadaan ini dapat diperbaiki kerana para pelanggan telefon berhak menikmati perkhidmatan yang lebih sempurna dan baik.

Permintaan untuk perkhidmatan telex kian meningkat, tetapi pihak Telekom tidak dapat menampung permintaan tersebut. Ramai ahli-ahli perniagaan merungut kerana mereka terpaksa menunggu begitu lama untuk mendapat perkhidmatan telex.

Telex adalah penting bagi para ahli perniagaan rekod Kerajaan dalam memenuhi permintaan para ahli perniagaan agak tidak memuaskan. Dengan ini Kerajaan hilanglah hasil yang boleh dikutip dari penyewa mesin telex itu. Saya syorkan supaya perhatian khusus diberi kepada perkara ini agar para peniaga kita dapat menggunakan perkhidmatan telex. Sekian, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.58 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.15 petang.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 58, B. 59 dan B. 60 (Jadual)—

Maksud P. 58, P. 59 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

6.16 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Pengerusi, saya ingin mengeluarkan sedikit fikiran saya tentang kemajuan dan pembangunan tenaga, telekom dan pos di Malaysia merujuk kepada belanjawan tahun 1983 yang termaktub dalam Maksud Pembangunan P. 58—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, muka surat 559, 562 dan 567.

Pada muka surat 559, Butiran 10, Kerajaan telah memperuntukkan \$14 juta kepada FELDA pada tahun depan. Walaupun saya mengakui

tentang faedah-faedah kemudahan-kemudahan elektrik kepada skim FELDA, tetapi kita haruslah juga jangan melupakan kemudahan untuk penduduk-penduduk kampung di luar bandar yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Saya berpendapat masih banyak kampung-kampung yang mempunyai bilangan penduduk-penduduk yang sederhana banyaknya yang boleh dikatakan, dengan izin, long time established kampungs tetapi perlu mendapat bekalan elektrik. Ini patut diberi keutamaan dan bukan sahaja kepada rancangan-rancangan di luar bandar yang baru dilaksanakan.

Saya mendapati Kerajaan akan membelanjakan berjuta-juta ringgit pada tahun depan untuk pembinaan hydro electric. Ini adalah kerana pentingnya tenaga elektrik yang boleh mencukupi kegunaan pada masa sekarang dan seterusnya juga kegunaan-kegunaan masa depan untuk industri dan pengguna-pengguna elektrik. Walau bagaimanapun kita harus mempertimbangkan berbagai aspek berkaitan dengan sumber-sumber penjaan all sources of power. Kita telah mengetahui bahawa negara kita mempunyai hasil semula jadi yang banyak dan kini kita telah menjadi pengeluar dan pengeksport minyak, misalnya eksport minyak Sabah mungkin adalah lebih banyak daripada yang diimportnya, pada hal para pengguna kenderaan di Sabah ataupun seluruh Malaysia terpaksa membayar harga minyak yang begitu mahal kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang mana mengeluarkan sedikit atau pun tidak ada sedikit pun. Ini adalah mendukacitakan. Masalah yang hendak saya persoalkan kepada Menteri yang berkenaan iaitu mengapakah Kerajaan tidak dapat memperuntukkan minyak yang dikeluarkan oleh negeri Sabah untuk kegunaan para pengguna di negeri itu dan negara kita dan mengurangkan harga minyak. Di Malaysia terdapat

juga negeri-negeri yang mengeluarkan gas-gas yang boleh juga digunakan untuk penjaan. Di Sabah gas terdapat di Labuan yang mana masa ini gas-gas itu hanya dibakar atau terbuang begitu sahaja, sedangkan kita sendiri mengimport gas untuk pengguna-pengguna negeri ini.

Saya mencadangkan gas-gas di negara kita ini mestilah dipergunakan untuk kemudahan penduduk-penduduk di Malaysia sebagai gas murah. Di bandar-bandar kita boleh memberikan gas-gas kepada pengguna dengan melalui paip atau saluran yang tertentu sepertimana yang terdapat di negara-negara yang lain dan kalaulah ada gas yang berlebihan boleh juga digunakan untuk mengeluarkan elektrik di power station dan berbagai industri. Kerajaan harus juga mengambil berat tentang penggunaan satu potensi sumber kuasa iaitu kelapa. Kita mempunyai banyak pengeluaran kelapa yang mana kelapa-kelapa terlalu murah harganya. Saya difahamkan negara-negara yang lain telah mula menggunakan minyak kelapa sebagai menggantikan minyak disel untuk digunakan pada kenderaan dan industri. Contohnya di Amerika Syarikat campuran 90% minyak kelapa dengan 10% minyak disel telah juga digunakan untuk menambah pengeluaran disel.

Saya difahamkan di Filipina, Kerajaan, Tentera dan Industri telah pun mengadakan kajian research) untuk menjadikan 100% minyak kelapa kepada siesel. Saya mencadangkan dan menggalakkan supaya Kerajaan membuat kajian kepada perkara yang tersebut. Wang peruntukan untuk membuat research mestilah diadakan yang pada masa ini tidak ada terdapat.

Tuan Pengerusi, di Sabah umumnya permintaan bekalan telefon adalah lebih daripada pengeluarannya dan jurang perbezaan ini semakin bertambah. Saya ketahuai betapa sukarnya untuk mengadakan talian

telefon dari rumah ke rumah yang belum pun ada jalan raya dan bekalan elektrik, tetapi mengapakah talian telefon tidak dapat dipasangkan kepada rumah-rumah yang memerlukan yang mana sudah mempunyai kemudahan jalan raya dan elektrik. Sebagai contoh, saya sendiri telahpun memohon talian telefon dan hingga kini telah memakan masa 3 tahun walau pun talian itu hanya 10 batu dari Kota Kinabalu. Oleh itu saya berseru kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat mengadakan talian telefon dengan secepatnya apabila dipohonkan di mana terdapat adanya bekalan elektrik.

Berhubung dengan Pejabat Pos, masih banyak lagi yang harus diperbaiki. Di luar bandar Sabah, Pejabat Pos tertentu di beberapa kawasan belum mencukupi dan begitu juga peti-peti surat yang mana patut ditambah di pekan, kawasan luar bandar dan di bandar-bandar. Saya juga mencadangkan supaya Kementerian berkenaan dapat memperkenalkan hantaran terus ke rumah (home delivery), terutama di bandar-bandar dan pekan-pekan. Dengan adanya penghantaran seperti ini penerima-penerima akan dapat menerima surat-surat mereka dengan secepatnya.

Saya berharap Kementerian berkenaan boleh dapat mengatasi dengan secepatnya satu masalah yang selalu dihadapi oleh pengguna telefon di Sabah ialah kerap kali berlakunya gangguan (crossline) dan sukarnya membuat panggilan antarabangsa. Perkara ini mungkin sudah diketahui oleh Kementerian berkenaan, saya harap Kementerian boleh mengambil tindakan yang secepatnya mengenai perkara ini.

Masalah kelambatan juga timbul apabila menghantar surat dari satu tempat ke tempat lain di Sabah. Adalah juga lebih cepat untuk menerima surat daripada Kuala

Lumpur ke Kota Kinabalu jika dibandingkan kelambatan penerimaan surat daripada Kota Kinabalu ke Kota Marudu di Sabah.

Tuan Pengerusi, saya mohon kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya dipertimbangkan dengan sewajarnya apa yang telah saya hujahkan tadi. Saya juga menyokong penuh Maksud Pembangunan 58—Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.24 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, saya suka terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Julau, Parit, Padang Serai, Batang Lupar, Labis, Sungai Besi dan dari Bandau sebentar tadi, mungkin saya tidak dapat menjawab satu persatu apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tetapi setakat mana yang boleh saya cuba memberi penerangan sedikit sebanyak atas masalah-masalah yang telah ditimbulkan.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh berkait dengan perkhidmatan telefon yang kononnya kurang memuaskan, ini memang disadari oleh Kerajaan dan Jabatan Telekom sendiri. Punca utamanya oleh kerana pada terdahulunya perkhidmatan telefon bukanlah dianggap sebagai satu perkhidmatan yang diutamakan di waktu tahun-tahun

yang lepas tetapi kita telah menyedari pada setakat ini, bermula dari Rancangan Malaysia Ketiga bahawa memang disedari perkhidmatan telefon ini menjadi satu perkhidmatan bukan "luxury" lagi tetapi "necessity" dari setakat itu Kerajaan telah menambahkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek di mana peruntukan itu telah diluluskan dan didapati belum dapat disempurnakan dengan sepenuhnya dan sedikit ini menyebabkan kekurangan alat-alat telefon di negara ini jika dibandingkan dengan kehendak-kehendak rakyat yang terdapat baru-baru ini. Memandangkan keadaan ini, memang ada berlaku kelemahan-kelemahan dari segi mutu perkhidmatan dan kelewatan kita dapat menyambung perkhidmatan kepada pemohon-pemohon yang memerlukan perkhidmatan itu.

Dari cadangan-cadangan yang dikemukakan, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh dari sistem bil telefon yang tidak memuaskan hati, tidak munasabah dan tidak ada keterangan butir-butir panggilan. Memang benar seperti kata Ahli Yang Berhormat bahawa hanya 0.3% daripada jumlah pelanggan yang menyuarakan perasaan tidak puas hati mengenai bayaran bil telefon dan daripada hasil siasatan Jabatan Telekom didapati 0.03% ini daripada aduan-aduan yang betul-betul benar (genuine). Walau bagaimanapun saya akui perkara tidak puas hati mengenai bil telefon memang berlaku dan adalah dimaklumkan sebelum format baru bil telefon yang dipakai sekarang, satu kajian telah dijalankan, keputusannya mereka telah bersetujui menggunakan format baru ini.

Mengenai pelanggan yang masih belum memahami maksud bil telefon, Jabatan Telekom sedang berusaha agar

pelanggan dapat memahami dengan cara menghantar pemberitahu terlebih dahulu sebelum akaun pelanggan dibilkan.

Mengenai bil telefon yang berlebihan hanya berlaku kepada panggilan meminta sahaja kerana tidak ada keterangan dan butir-butirnya, walau bagaimanapun saya akan memberi perhatian atas syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan jika ianya dapat dipraktikkan kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Dari segi itu saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu Jawatankuasa yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah beberapa bulan dahulu ditubuhkan untuk mengkaji dan mencari jalan bagaimana kita dapat sedikit sebanyak memperbaiki keadaan bil-bil telefon di negara kita ini.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada menyentuh mengenai cadangan menubuhkan lagi bilangan Pejabat Pos di kawasan-kawasan perumahan baru, terutamanya di Wilayah Persekutuan. Kementerian saya memang sedar tentang perlunya mengadakan Pejabat-pejabat Pos di kawasan perumahan baru, khususnya di sekitar Wilayah Persekutuan. Oleh itu langkah-langkah sedang diambil bagi mengadakan Pejabat Pos di Jalan Cheras, Jalan Kelang, Bandar Tun Razak, Taman Maluri, Bangunan Pudu Raya dan Bangunan Plaza Pekeliling, iaitu sebagai tambahan kepada 36 buah Pejabat Pos yang sedia ada di dalam Wilayah Persekutuan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan bahawa Pejabat Pos Parit yang dibina dalam tahun enam puluhan masih lagi terdapat pada setakat ini dan tidak ada perubahan yang baik. Kementerian saya sedar dengan keadaan bangunan lama di

Pejabat Pos Parit. Tindakan akan diambil untuk membesarkan lagi bangunan tersebut dan menambah bilangan kaunter bagi memperbaiki mutu perkhidmatan pos di kawasan berkenaan. Di samping itu telah pun ada cadangan untuk mengadakan Pejabat Pos di Lambor Kanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu juga masih banyak bangunan pejabat pos lama yang perlu diganti dengan yang baru dan ini dilakukan secara berperingkat-peringkat setakat mana yang kita boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Julau telah menyentuh mengenai mel-mel yang sampai lewat terutamanya di antara Semenanjung dan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) dan juga bersabit dengan mel ekspres yang lewat diterima oleh penerima-penerima terutama di kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Suka saya menerangkan di sini bahawa kita memang bergantung kepada pengangkutan awam untuk mengangkut mel-mel dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan kita secara beransur-ansur menggantikan pengangkutan awam dengan pengangkutan Jabatan Perkhidmatan Pos sendiri di mana yang boleh dan pengangkutan mel ke Sibu dikaji dari semasa ke semasa dengan pihak Perkhidmatan Penerbangan Awam bagi tujuan mempercepatkan pengangkutan mel di tempat-tempat itu. Berkenaan mel ke Sarikei, kegunaan kenderaan Jabatan akan dikaji untuk mengatasi kelewatan yang sedang dialami pada setakat sekarang. Walau bagaimanapun memang kita sukar untuk memenuhi kehendak rakyat yang tinggal di tempat-tempat terpencil untuk mendapatkan kita menyerahkan surat dengan memuaskan. Seperti yang saya terangkan tadi ini memanglah bergantung kepada keadaan perkhidmatan pengangkutan yang kita alami sekarang.

Yang Berhormat dari Labis juga menyentuh mengenai panggilan telefon dan telex antarabangsa yang terlalu tinggi. Adalah dimaklumkan bahawa kadar tarif telefon dan telex antarabangsa yang ada sekarang adalah dibuat dan diselaraskan berdasarkan kepada beberapa cadangan dan formula yang dibuat oleh Pertubuhan Telekom Antarabangsa (ITU), Jawatankuasa Penyelaras Telefon dan Telegraf dan lain-lain badan Telekom Antarabangsa. Jabatan Telekom sentiasa mengkaji kadar bayaran panggilan telefon dan telex antarabangsa dan dalam negeri adalah menjadi dasar Kementerian saya bahawa kadar-kadar bayaran panggilan luar negeri tidak harus lebih murah daripada kadar bayaran panggilan dalam negeri. Walau bagaimanapun kita sekarang telah mengkaji dan mengarahkan Jabatan Telekom meninjau semula keadaan kedudukan tarif telefon antarabangsa dan tarif telex antarabangsa yang terdapat pada setakat sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai juga menyentuh bahawa perkhidmatan telefon selalu merosakkan jalan untuk menanam kabel dan sebagainya. Sesuatu projek penanaman kabel telefon pada masa sekarang adalah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor dan sudah tentunya semasa kerja-kerja tersebut dijalankan, bahagian tepi jalan raya terpaksa dikorek untuk ditanamkan kabel. Saya memang sedar bahawa terdapat beberapa kemalangan kecil berlaku akibat daripada tindakan memperbaiki kerosakan bahagian tepi jalan raya. Di dalam syarat-syarat kontrak tender projek menanam kabel dimasukkan satu syarat bahawa adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menimbus semula lubang-lubang dan mengembalikan keadaan jalan raya dalam keadaan baik seperti sebelumnya.

Mengenai kawasan perumahan baru, Kementerian saya telah

merancang agar sesalur kabel telefon dijadikan sebagai salah satu infrastruktur asas dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas di sesuatu kawasan perumahan. Dengan cara begini masalah mengorek jalan raya dapat dikurangkan. Jabatan Telekom telah membentuk Jawatankuasa Rangkaian sesalur untuk merancang rangkaian sesalur telefon untuk kawasan-kawasan perumahan baru.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa telah menyentuh atas perlunya Kerajaan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek mini-hidro di negara kita ini. Suka saya menerangkan bahawa dalam tahun 1983 bagi negeri Sarawak seperti yang terdapat dalam butir-butir Belanjawan yang diumumkan, bahawa lebih dari \$17 juta telah dipohon untuk kemajuan pelaksanaan projek mini-hidro di negeri itu. Kita mendapati bahawa dalam tahun 1983 ada 3 projek mini-hidro akan dilaksanakan dan setakat ini pihak Lembaga Letrik Sarawak dalam proses membuat kajian tender untuk pelaksanaan projek dapat dimulakan dalam tahun 1983.

Dalam semua Rancangan Malaysia Keempat, saya suka memaklumkan bahawa 10 projek mini-hidro telah dirancangan bagi negeri Sarawak dan kita berharap akan dapat melaksanakannya dalam jadual-jadual yang telah ditentukan sebelum penghujung Rancangan Malaysia Keempat berakhir. Kita pun sedar bahawa banyak lagi tempat-tempat bukan sahaja di negeri Sarawak tetapi di seluruh negara kita ini lebih-lebih lagi tempat-tempat yang di luar bandar yang masih lagi masa sekarang ketinggalan dalam perkhidmatan Lembaga Letrik, memang hendak ditingkatkan lagi dengan secepat-cepat yang praktikal dari segi kos dan dari segi teknikalnya.

Saya suka memberi makluman kepada Dewan yang mulia ini bahawa walau pun dalam butir-butir Belanjawan tidak ada gambaran dalam segi Anggaran Pembangunan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak ada gambaran bersabit dengan peruntukan pelaksanaan projek electricity luar bandar, ini bermakna oleh kerana peruntukan itu telah dibahagikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan oleh itu ianya tidak digambarkan di bawah Kementerian ini. Walau bagaimanapun suka saya menerangkan bahawa oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap-tadi membangkitkan soal Perkhidmatan Elektrik Luar Bandar bahawa Kerajaan memang hendak meningkatkan lagi perlaksanaannya di mana-mana yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Labis juga ada menyentuh bahawa sepatutnya Kerajaan mengadakan kajian bersabit dengan potensi kegunaan tenaga solar di negara kita ini. Kerajaan sekarang memang ada membuat kajian untuk membangunkan potensi tenaga solar bagi tujuan bekalan elektrik. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sejumlah \$1 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat telah dirancangan 5 kampung dibekalkan elektrik dari punca solar. Satu dari projek perintis di Pulau Langkawi, di mana 50 buah rumah dibekalkan elektrik dari solar pun sudah siap pada setakat sekarang. Walau bagaimanapun dari kesan-kesan yang didapati pada setakat ini nampaknya kegunaan tenaga solar untuk penjanaan kuasa elektrik di negara kita ini masih lagi dalam peringkat study sahaja dan belum dapat diumumkan sebagai satu cara yang dapat dicommercialkan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Parit di waktu membangkitkan perkhidmatan telefon di luar bandar yang tidak

memuaskan, ada juga menyentuh mengenai hubungan yang kurang terang. Masalah kekurangan litar-litar sambung jauh bandar ke kawasan-kawasan luar bandar memang kita mengakui ada wujud. Untuk mengatasi masalah ini Jabatan Telekom akan berusaha memasang tujuh kali ganda litar-litar untuk hubungan jauh dan dekat di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dengan terlaksananya projek ator atau perkhidmatan telefon menggunakan radio adalah diharapkan masalah tersebut dapat dikurangkan. Dalam projek ini kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dihubungi melalui stesyen-stesyen gelombang mikro yang akan disampaikan ke seluruh Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Kita bercadang akan memulakan pelaksanaan projek ini dalam tahun hadapan dan kalau mengikut jadualnya ianya akan dapat disiapkan dalam penghujung tahun 1984 atau pertengahan tahun 1985.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah mengesyorkan kegunaan gas asli untuk pengguna-pengguna biasa dan industri dan untuk penjanaaan elektrik. Ini memanglah sebenarnya satu dari dasar atau strategi tenaga negara pada sekarang yang telah ditetapkan dan dipastikan dan ianya dalam peringkat-peringkat pelaksanaan. Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa di Labuan pun satu kegunaan gas yang menggunakan gas untuk membangunkan methanol plant dalam peringkat pelaksanaan sekarang dan satu dari segi projek itu integrated projek ialah untuk penjanaaan kuasa elektrik yang dianggarkan sehingga 50 megawatts di Pulau Labuan itu sebagai satu scheme projek penggunaan gas di Pulau Labuan.

Selain dari itu kita memang juga menggunakan gas yang terdapat di Pantai Timur, Terengganu bukan sahaja untuk penjanaaan kuasa elektrik tetapi satu daripada cadangan

Kerajaan ialah untuk menyalurkan gas-gas yang terdapat dari Pantai Timur ke tempat-tempat lain di Pantai Barat dan satu kajian untuk pelaksanaan ini dalam pertimbangan rapi di pihak PETRONAS dan saya suka memaklumkan di sini memang satu daripada hasrat Kerajaan sebagai satu langkah untuk mempelbagaikan punca-punca tenaga yang digunakan dan membangunkan negara kita ini bahawa kita memberi keutamaan untuk menggunakan punca-punca tenaga yang terdapat di negeri kita sendiri dan juga untuk menggunakan punca-punca tenaga yang dengan harapan bahawa pergantungan kita kepada punca-punca tenaga yang terdapat dari negara-negara yang lain dapat dikurangkan. Ini termasuk membangunkan gas hydro power dan juga arang-arang batu selain dari yang telah kita gunakan sekarang minyak-minyak mentah.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau juga ada menyentuh bahawa sepatutnya pihak Jabatan Pos menghantarkan mel-mel ke rumah-rumah dan tempat-tempat kediaman di negeri Sabah.

Suka saya menyatakan memang menjadi hasrat Jabatan Perkhidmatan Pos untuk memperluaskan penyerahan mel ke tempat-tempat kediaman dan rumah-rumah kediaman rakyat di negara kita ini. Ini bagaimanapun tidak dapat dilaksanakan secara serentak oleh kerana masalah-masalah yang mungkin timbul. Satu dari masalah yang timbul khususnya di negeri Sabah bahawa pada setakat ini masih lagi kekurangan nombor-nombor street dan sebagainya yang dapat membantu kita menyerahkan mel-mel itu dengan cepat dan dengan selamat. Kita telah berhubung dengan Kerajaan Negeri Sabah terutamanya pihak Local Authority di negeri Sabah untuk memperluaskan naming of streets untuk mendapatkan pihak Jabatan

Perkhidmatan Pos menjalankan penyerahan mel dengan terus ke rumah-rumah mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi juga telah membangkitkan perkhidmatan telefon di kawasan Sungai Besi selalu terganggu terutama semasa hujan lebat. Memang berlaku kerosakan atau gangguan kecil terhadap perkhidmatan telefon di kawasan Sungai Besi terutama selepas hujan lebat. Kejadian ini berlaku juga di kawasan-kawasan lain di sekitar Kuala Lumpur. Ini berlaku kerana talian kabel yang ada di kawasan ini telah lama dipasang, setengah-setengahnya melebihi 35 tahun. Pada masa ini Jabatan Telekom sedang berusaha menukar kabel-kabel lama kepada kabel baru dan dengan alat-alat swiss yang menggunakan kaedah digital. Di kawasan Ahli Yang Berhormat pada masa ini lebih dari 75% kerja-kerja penukaran kabel ini telah pun selesai. Kabel baru yang digunakan sekarang lebih baik di mana air hujan tidak dapat masuk ke dalamnya dan saya berharap sesudah siapnya pelaksanaan dan gantian kabel-kabel yang lama bukan sahaja di kawasan Sungai Besi atau di tempat-tempat yang lain di mana kerosakan berlaku dan perkhidmatan yang kurang memuaskan dari segi mutunya oleh kerana kabel yang lama akan dapat diatasi berperingkat-peringkat.

Tuan Pengerusi, walaupun saya mungkin tidak menyentuh dan tidak menjawab kesemua teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, suka saya memberi jaminan di sini bahawa ianya akan diberi perhatian dengan sewajarnya. Kementerian saya telah meminta supaya sebanyak \$175,236,810 diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus dan sebanyak \$1,031,656,130 bagi Perbelanjaan Pembangunan dan dari jumlah Perbelanjaan Pembangunan tersebut sebanyak \$99,000,647 diperuntukkan

secara langsung dan \$932,009,050 melalui pinjaman. Dari jumlah \$175,236,810 Perbelanjaan Mengurus dan dipohon, sejumlah \$56,411,800 adalah untuk Kementerian. \$10 peruntukan tanda (token) untuk Jabatan Telekom dan sejumlah \$118,825,000 untuk Jabatan Perkhidmatan Pos. Peruntukan \$10 sahaja diminta untuk Jabatan Telekom sebagai peruntukan tanda oleh kerana Perbelanjaan Mengurusnya adalah ditanggung oleh peruntukan dari Tabung Amanah Telekom sendiri. Bagi Peruntukan Pembangunan pula dari jumlah \$99,647,080 yang dipohon secara langsung sejumlah \$97,065,040 adalah untuk Kementerian dan \$20,582,040 untuk Jabatan Perkhidmatan Pos. Sementara dari jumlah \$932,009,050 yang dipohon sebagai pinjaman dan sejumlah \$494,100,050 adalah untuk Kementerian dan \$437,909,000 lagi untuk Jabatan Telekom.

Peruntukan Pembangunan secara langsung untuk Kementerian adalah diperlukan untuk membiayai rancangan projek pembekalan elektrik ke kawasan FELDA, projek mini-hidro, projek tenaga elektrik solar, penjanaan kuasa dari sekam padi dan projek pembekalan elektrik ke rumah-rumah panjang. Peruntukan Pembangunan secara pinjaman bagi Kementerian adalah diperlukan untuk membiayai pembinaan projek-projek hidro elektrik yang besar-besarnya serta lain-lain pembinaan stesyen-stesyen janakuasa elektrik. Secara keseluruhannya Peruntukan Pembangunan bagi Jabatan Telekom adalah berjumlah \$887,895,000 dan daripada jumlah ini \$437,909,000 adalah daripada Kerajaan Persekutuan yang diperuntukkan secara pinjaman dan \$137,979,000 suppliers credit dan \$312,307,000 adalah daripada sumber-sumber Jabatan Telekom sendiri. Peruntukan Pembangunan ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek penyesuaian, memperluaskan

rangkaian tempatan dan memperluaskan rangkaian sambung jauh, pembinaan rancangan-rancangan, pembelian dan pengambilan tanah dan lain-lain projek-projek yang bertujuan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan telefon di negara ini yang mana telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya terangkan tadi walaupun saya tidak menjawab satu persatu persoalan yang telah dikemukakan, saya sekali lagi suka memberi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkit dan menyentuh dan memberi sumbangan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi tujuan kita bersama untuk meninggikan mutu dan memperluaskan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat-rakyat di negara kita ini. Ini memang satu hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mengambil berat kehendak-kehendak rakyat di negara kita. Dengan itu, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$56,411,800 untuk Maksud B. 58; \$10 untuk Maksud B. 59 dan \$118,825,000 untuk Maksud B. 60 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$56,411,800 untuk Maksud B. 58; \$10 untuk Maksud B. 59 dan \$118,825,000 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$573,165,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 58; \$437,909,000 untuk Maksud P. 59 dan \$20,582,040 untuk

Maksud P. 60 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$573,165,090 untuk Maksud P. 58; \$437,909,000 untuk Maksud P. 59 dan \$20,582,040 untuk Maksud P. 60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 61 (Jadual)—

Maksud P. 61 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud B. 61 dan P. 61 di bawah Kementerian Kebajikan Am terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.56 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya suka hendak bercakap Maksud Bekalan B. 61, Program (2) (b) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Perkhidmatan Keluarga ini mengikut peruntukan yang diberi untuk tahun ini sebanyak \$19.2 juta didapati kekurangan sebanyak \$4.4 juta. Selama Perkhidmatan Keluarga ini diadakan hanyalah Jabatan ini mengadakan rumah-rumah orang-orang tua di bandar-bandar yang besar sahaja dan tidak ditumpukan perkhidmatan rumah orang-orang tua ini di kawasan perkampungan iaitu kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, saya di sini suka hendak mencadangkan kepada Kementerian ini supaya mengadakan kemudahan-kemudahan rumah orang-orang tua ini di pondok-pondok iaitulah di kawasan pondok-pondok yang kita dapati orang-orang tua ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan tempat

tinggal yang baik, mereka ini tinggal menumpang di rumah yang tidak selesa. Jadi jika sekiranya untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada orang-orang tua, terutama di luar-luar bandar maka rumah-rumah orang tua ini jika diadakan di kawasan-kawasan pondok akan lebih menguntungkan kepada mereka ini terutama kepada orang-orang Islam. Orang Islam yang tua mereka lebih suka tinggal di pondok-pondok iaitu di kawasan madrasah tempat mereka ini belajar agama, beramal ibadat dan sebagainya. Didapati setakat ini peruntukan Kementerian ini tidak pun mengadakan rumah-rumah orang tua di tempat seperti ini. Inilah satu cara Perkhidmatan Keluarga ataupun kepada orang-orang tua diberi ke luar-luar bandar supaya kemudahan-kemudahan akan dapat dirasakan oleh orang-orang yang benar-benar memerlukannya.

Setakat ini Kementerian ini hanya menumpukan sahaja di bandar-bandar besar dan setakat ini mungkinlah mereka ini menerima kejayaan dan juga mengumpul orang-orang tua di bandar-bandar tetapi telah melupai orang-orang tua di kampung-kampung yang juga segala masalah kehidupannya tidak begitu baik. Kalau

kita membuat rumah-rumah orang tua ini di pondok-pondok, kita tidak perlu memakan peruntukan-peruntukan yang besar. Dengan peruntukan yang ada sebanyak \$19.2 juta ini saya rasa cukup Jabatan ini mengadakan rumah-rumah orang tua di kawasan tersebut. Misalnya, sesuatu kawasan pondok kita mengadakan satu rumah panjang yang berbilik yang memakan belanja di antara \$20,000-\$30,000 hingga \$50,000 ini akan dapat menempatkan sepuluh atau dua puluh orang-orang tua bagi mereka mendapatkan kemudahan-kemudahan tempat tinggal yang lebih baik dan selesa.

Di dalam bahagian ini juga, khidmat-khidmat kepada keluarga-keluarga ini sepatutnya diperluaskan ke sekolah-sekolah atau pun ke Persatuan-persatuan Belia

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok, 30hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.